



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 773]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 773]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 773]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 774]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 775]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 776]

USUL:

Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara (D.N. 2 Tahun 1977)
[Ruangan 808]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977) [Ruangan 825]

Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 849]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 851]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAL, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 3hb Ogos, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Ali bin Ahmad

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

Memperkenankan Akta-Akta

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976) 1977;
- (2) Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1977;
- (3) Akta Bank Simpanan Nasional (Pindaan) 1977;
- (4) Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1977;
- (5) Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 1977;

- (6) Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1977;
- (7) Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1977;
- (8) Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1977;
- (9) Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1977;
- (10) Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1977;
- (11) Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Kedua Kepada Perkara-perkara Perjanjian) 1977; dan
- (12) Akta Kumpulanwang Persaraan Pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977.

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujuan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977);
- (2) Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No 2);
- (4) Rang Undang-undang Setem (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam);

- (6) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No 2);
- (8) Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam;
- (9) Rang Undang-undang Racun (Nateriam Arsenit) (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Persatuan Peladang (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Kerajaan) (Pindaan); dan
- (15) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2).

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini (di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (2)):

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977);
- (2) Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No 2);
- (4) Rang Undang-undang Setem (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam);
- (6) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) (No 2);
- (8) Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam;
- (9) Rang Undang-undang Racun (Nateriam Arsenit) (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Kawalan Timah (Pindaan);

- (11) Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Persatuan Peladang (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Persatuan Pekerjaan) (Pindaan); dan
- (15) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No 2).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PERUNTUKAN KEPADA NEGERI JOHOR

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa peruntukan sebanyak \$1,831,711,000 bagi negeri Johor untuk tujuan memperbaiki dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak mencukupi, dan jika ya, adakah Kerajaan Pusat akan memberi peruntukan tambahan apabila mengkaji Rancangan di pertengahan penggal kelak, supaya Kerajaan Johor dapat memperbaiki kehidupan golongan yang tidak berada khususnya petani-petani dan nelayan-nelayan.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa peruntukan sebanyak \$1,831,711,000 bagi negeri Johor di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah merupakan 9.9% daripada jumlah peruntukan besar iaitu \$18,554,987,000. Peruntukan itu merupakan peruntukan yang kedua besarnya jika dibandingkan dengan lain-lain negeri di Malaysia. Adalah dirasakan bahawa peruntukan yang diberikan kepada negeri Johor itu adalah mencukupi dalam konteks pembahagian perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Walau bagaimanapun perlu saya tekankan di sini bahawa satu daripada faktor yang penting yang dipertimbangkan apabila membuat peruntukan ialah keupayaan agensi-agensi berkenaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bagi sesuatu negeri.

Jika sekiranya peruntukan yang diberikan itu tidak mencukupi, maka ada kemungkinannya tambahan sebanyak 10% daripada jumlah peruntukan asal diberikan kepada negeri tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1/1977.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Betul atau tidak iaitu peruntukan untuk tiap-tiap negeri, saya telah diberitahu oleh Menteri Kewangan iaitu hendaklah diberi keutamaan yang banyak sekali kepada negeri-negeri yang mundur seperti Kelantan, Trengganu, Sarawak, Sabah, daripada negeri-negeri yang kaya. Betul atau tidak begitu?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa keutamaan adalah diberi kepada negeri-negeri yang mundur untuk membangunkan negeri-negeri tersebut. Tetapi ada kalanya peruntukan lebih telah diberi kepada negeri yang sedang maju kerana menjalankan rancangan-rancangan pembangunan yang "on-going" ataupun yang mana telah ada dirancangan, tetapi keutamaan memang telah ada diberi kepada negeri-negeri yang sedang membangun.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, peruntukan-peruntukan yang dibuat ialah bagi masa selama lima tahun dalam Rancangan Malaysia Ketiga, jadi tentulah dalam satu-satu peruntukan itu dikehaskan bagi lima tahun ada limit bagi perbelanjaan yang mesti dihabiskan pada tiap-tiap tahun. Jadi saya ingin bertanya apakah yang akan diambil tindakan sekiranya peruntukan tahunan itu tidak dapat dihabiskan oleh negeri-negeri yang berkenaan, dan kemungkinan tahun yang pertama dia tidak habis, tahun yang kedua oleh kerana barangkali bertambah lagi banyak tidak habis. Jadi saya hendak tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada berlaku di mana peruntukan tidak dapat dihabiskan tetapi ada sebab-sebab tertentu. Satu daripadanya yang besar ialah keupayaan seperti yang saya katakan tadi ada kalanya keupayaan pelaksanaan

itu tidak memadai maka tidak dapatlah dilaksanakan projek-projek dan menghabiskan kewangan yang diperuntukkan. Maka cara-cara yang dijalankan ialah pertama oleh kerana kita tahu shortfalls yang berlaku itu sebahagian besarnya oleh kerana keupayaan pelaksanaan kurang, maka tindakan ialah supaya membekalkan kepada negeri-negeri yang kurang pelaksanaan itu dengan perkara-perkara seperti manpower (tenaga manusia), misalnya, kita ada di negeri-negeri State Planning Unit di mana pegawai-pegawai daripada Federal pergi ke negeri seperti Yang Berhormat sedia maklum. Kita juga adakan bantuan-bantuan teknikal dan panduan-panduan perancangan supaya negeri-negeri ini dapat meningkatkan lagi keupayaan pelaksanaan mereka. Jadi supaya shortfalls yang berlaku akibat ini akan dapat diminimakan dan juga jikalau kekurangan implimantasi itu berlaku oleh kerana kegagalan ataupun kebuntuan-kebuntuan tertentu maka ada diambil langkah-langkah di dalam operasi pembangunan tiap-tiap tempat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih atas jawapan kepada soalan yang saya kemukakan tadi. Walau macam manapun, saya kena buat soalan tambahan. Pertama sekali, saya berterima kasih bahawa menurut keterangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan Kerajaan Negeri Johor akan berpeluang dapat 10% berdasarkan keupayaan pelaksanaan. Negeri Johor memang sebuah Kerajaan yang upaya dan gagah dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan, hatta kadang-kadang dia siap lebih awal daripada masa yang ditentukan. Dengan keadaan ini oleh sebab banyak hasil-hasilnya terpulang kepada Kerajaan Pusat, dapatkah Kerajaan Persekutuan menimbangkan angka 10% itu supaya ditingkatkan kepada 20%?

Yang kedua, kata Yang Berhormat tadi Negeri Johor diantara negeri yang kedua menerima peruntukan ini. Saya ingin tahu negeri manakah yang jadi negeri yang pertama menerima peruntukan daripada Kerajaan Pusat itu?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mengenai memberi tambahan 20% ini saya tidak dapatlah hendak membuat commitment di sini, tetapi mengikut peruntukan di

dalam Pekeliling Am 1/1977 itu ingin saya membacakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu dikatakan di mana ada perlu menambah tambahan bagi projek-projek yang diluluskan yang melibatkan perubahan hak peruntukan negeri, Jawatankuasa Kecil Anggaran Perbelanjaan dan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (J.P.P.N.) diberi kuasa meluluskan tambahan peruntukan kepada negeri-negeri yang berjumlah 10% daripada had peruntukan negeri. Itu yang ada sekarang. Dan inginlah saya menyatakan bahawa tentang mendapat kewangan lebih daripada negeri-negeri, telah pun diwujudkan satu sistem yang dipanggil Revenue Growth Grant yang mana dibahagi-bahagikan hasil diantara negeri-negeri dan Kerajaan Federal mengikut formula tertentu. Maka negeri-negeri dari mana hasil itu diwujudkan dapat menikmati bersama kekayaan atau hasil itu seperti Negeri Johor dapat juga daripada Revenue Growth Grant ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Apabila dipertimbangkan untuk mendapatkan kewangan tiap-tiap negeri, selalunya Negeri Selangor; kalau Ahli dari Johor menimbulkan Johor, saya menimbulkan Selangor, selalu Negeri Selangor dimasukkan Kuala Lumpur dan apabila dimasukkan Kuala Lumpur memanglah pekannya indah, jalannya elok, taman bunga segala-galanya ada. Jadi dia tidak tengok di mana Kuala Selangor, di mana Ulu Langat, di mana tempat itu, nun jauh tempat jin bertandang, itu tidak tahu. Jadi pada hari akan datang boleh atau tidak bila ditimbangkan perkara ini maka Selangor yang dikatakan Selangor itu dikeluarkan Kuala Lumpur, sebab Kuala Lumpur telah pun kita beri kepada Kerajaan Federal.

Puan Rafidah Aziz: Sungguhpun sudah merambu nampaknya daripada Johor ke Selangor tetapi inginlah saya menyatakan tiap-tiap negeri itu memang ada berbeza intersectorinya, antara daerah berbeza dan Kuala Lumpur memang kita tahu adalah keluar daripada Selangor yang menjadi Wilayah Persekutuan sekarang.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada soalan asal tadi, saya sukalah hendak minta penjelasan setakat sekarang ini berapa peratuskah kemampuan Negeri Johor yang

dikatakan gagah dalam melaksanakan projek tadi, berapa peratus sehingga sekarang ini telah dibelanjakan dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga ini?

Puan Rafidah Aziz: Tidak dapat dibentangkan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Pertama, kawan saya yang bukan Melayu bertanya apakah ertinya merambu daripada Johor ke Selangor. Yang kedua soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah dasar Kerajaan memperuntukan 10% kepada tiap-tiap negeri termasuk Johor, dan Pahang dan lain-lain.

Puan Rafidah Aziz: Soalan yang pertama itu Yang Berhormat sendiri memang maklumlah makna merambu itu; maknanya berjalan daripada sini ke sana. Tentang soalan yang kedua tadi saya telah bacakan bahawa mana-mana negeri kalau difikirkan perlu mendapat tambahan tadi ada peruntukan diberi 10% dari had peruntukan asal.

PUKAT TUNDA HARAM DI PULAU PINANG

2. **Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar iaitu penangkapan ikan dengan pukat tunda haram masih berlaku di Pulau Pinang dan mendatangkan kesusahan kepada nelayan kecil. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah diberitahu sebenarnya di Pulau Pinang tidak ada penangkapan ikan oleh bot-bot pukat tunda yang tidak berlesen. Pada hemat saya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun ialah adanya pencerobohan had kawasan bot pukat tunda ini, misalnya, bot-bot pukat tunda ini di dalam lesennya dibenarkan menangkap ikan di dalam kawasan tengah tetapi mereka mengambil kesempatan menangkap ikan di dalam kawasan pantai yang menyusahkan mata pencarian nelayan-nelayan kecil, ataupun bot-bot datang daripada luar Pulau

Pinang yang berlesen masuk di dalam perairan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan adalah sentiasa menjalankan rondaan dan mengawasi pencerobohan-pencerobohan ini supaya mengelakkan kesusahan-kesusahan daripada nelayan-nelayan kecil.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pergaduhan selalu berlaku di antara nelayan di perairan Perak dan Pulau Pinang, adakah itu berpunca daripada pukut tunda atau lain-lain punca, tolong beritahu antara sebab-sebab yang timbul.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat diterangkan masa pergaduhan itu bila, saya boleh terangkan sebab-sebabnya, sebab ianya tidak tentu, banyak kali bergaduh.

ZAKAT DARI CARUMAN KWSP

3. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kewangan menyatakan adakah apa-apa rancangan pungutan zakat dari caruman wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dari orang Islam di negara kita dengan tujuan menubuhkan sebuah Lembaga Tabung Islam atau seumpamanya; jika ada, bilakah hendak dijalankan dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya zakat adalah perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu, Kementerian Kewangan tidaklah ada cadangan untuk melibatkan diri di dalam perkara ini berkaitan dengan caruman wang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan apabila seseorang Muslim mengeluarkan zakat mengikut hukum Islam, adakah pengeluaran zakat ini dikecualikan daripada cukai pendapatan (income tax)?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tidak payah dijawab.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan, adakah Kerajaan sedar bahawa telah menjadi satu keberatan bagi orang Islam, pertama sekali dengan dikenakan cukai pendapatan (income tax), yang kedua dengan mengenakan zakat dengan kadar yang tertentu. Tidakkah Kementerian ini boleh meminta satu fatwa daripada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam supaya orang-orang Islam yang dikenakan zakat ini boleh diserapkan dengan cukai pendapatan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini adalah dua perkara yang berasingan. Pembayaran zakat itu ialah kita menunaikan kewajipan ugama kita sendiri dan cukai pendapatan itu ialah melaksanakan tanggungjawab kita sebagai seorang warganegara yang mendapat pendapatan daripada negara; itupun tidak semua yang kena, hanya yang membayar cukai pendapatan seperti yang kita tahu adalah mereka yang menerima pendapatan di atas satu tingkat yang minima. Dan mengenai perkara yang kedua tadi, pada masa ini tidak ada lagi cadangan untuk berbuat demikian.

HADIAH KEPADA TETAMU NEGARA

4. Datuk Abu Bakar Titingan minta Perdana Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan untuk membeli hadiah-hadiah dan adakah beliau sedar bahawa cenderamata-cenderamata rasmi Kerajaan yang diperbuat daripada kayu-kayu untuk dihadiahkan kepada tetamu-tetamu Kerajaan adalah lebih melambangkan kesenian Malaysia daripada pewter dan jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil dan jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya nyatakan di sini bahawa Jabatan Perdana Menteri memang mempunyai peruntukan tahunan yang tertentu untuk membeli hadiah-hadiah bagi dihadiahkan kepada tetamu-tetamu negara yang melawat negara ini dan juga bagi kegunaan semasa membuat lawatan ke negara-negara asing. Jumlah perbelanjaan tahunan adalah berbeza dari setahun ke setahun dan bergantung kepada banyaknya tetamu negara dan lawatan ke luar negeri. Bagi makluman Ahli

Yang Berhormat juga, berikut ini adalah jumlah perbelanjaan sebenar tahunan Jabatan Perdana Menteri membeli hadiah-hadiah iaitu:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan
1973	\$ 64,838.09
1974	121,788.20
1975	61,593.62
1976	79,355.10
1977 (Januari hingga sekarang)	22,332.25
JUMLAH ...	\$349,907.26

Jabatan Perdana Menteri tidak memberi tetamu-tetamu negara hadiah-hadiah rasmi yang dibuat semata-mata dari pewter sahaja. Jabatan ini banyak membeli barang-barang perak buatan Kelantan seperti Tea Set, Kopi Set, Kotak Rokok, Keris, Tongkat, Candle Stand. Kesemuanya ini mempunyai kesenian Malaysia dan dibuat oleh negara kita. Ada juga masanya hadiah-hadiah rasmi itu merupakan fountain pen dan lighter.

Sesungguhnya bahan-bahan cenderamata rasmi Kerajaan yang dihadiahkan kepada tetamu-tetamu Kerajaan seperti pewter, barang-barang perak dan lain-lain lagi adalah merupakan hasil keluaran negara ini dan ianya melambangkan kesenian Malaysia. Dalam pada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menimbangkan tentang kemungkinan hadiah-hadiah yang diperbuat daripada kayu-kayan tempatan, jika didapati sesuai.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah memberi hadiah ini satu amalan yang dcedok daripada penjajahan dan adakah Kerajaan sedja mengkaji bahawa hadiah-hadiah ini akan diberhentikan atau disesuaikan dengan tradisi Malaysia atau apakah faedahnya dengan kita memberi hadiah-hadiah kepada negara-negara yang tersebut.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada faedah, banyak faedah yang kita boleh dapati dan kita boleh menerima serta memberi. Terbit daripada hadiah-hadiah ini menunjukkan silaturahmi di antara negara kita dengan negara-negara yang kita lawati ataupun pemimpin yang datang melawat ke negara kita ini. Adapun adat ini bukanlah

adat penjajah, sewaktu dahulu pun ada dihadiahkan orang kepada Nabi sehingga teman hidup pun dihadiahkan oleh Kerajaan Mesir kepada Nabi sendiri iaitu lebih besar daripada pewter yang kita buat. Jadi ini merupakan satu tradisi yang zaman berzaman daripada beberapa kurun dahulu dan tidaklah amalan yang kita lakukan ini merupakan amalan penjajah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diperkatakan Nabi, ada banyak Nabi iaitu Nabi Muhammad s.a.w., Nabi Isa a.s., Nabi Sulaiman a.s., Nabi ini kebanyakannya berasal di tanah Arab, tetapi ada atau tidak di zaman Raja-raja Melayu dahulu seperti dihadiahkan kain, baju sepasang (sepersalinan) atau sebagainya.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa ini sudah menjadi adat zaman berzaman sejak zaman Nabi dahulu. Ini menunjukkan daripada zaman Nabi sehingga zaman kita ini terlalu banyak kalau kita hendak ceritakan termasuklah sewaktu orang Melayu berkuasa dalam Kerajaan Negeri Melaka sebelum kejatuhannya, Kerajaan juga menghantarkan dan memberi serta menerima hadiah-hadiah dari negara-negara asing malahan ada yang menghadihkan dengan harga yang lebih mahal seperti bunga emas dan sebagainya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah hadiah-hadiah atau cenderamata ini yang diberi kepada pemimpin-pemimpin luar semasa membuat lawatan rasmi dibuat daripada luar negeri seperti cenderamata yang diberi kepada pemimpin-pemimpin yang melawat negeri ini.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, telah saya terangkan dalam jawapan saya semuanya dibuat dalam negara kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soalan ini beliau telah menyatakan bahawa adat ini telah turun-temurun sehingga dia menggambarkan zaman Rasulullah pun pernah menghadihkan manusia kepada sebuah Kerajaan. Saya ingin

tahu adakah Kerajaan Malaysia selain daripada hadiah yang dibuat sekarang cuba hendak membuat satu perkembangan yang baik iaitu menghadiahkan wanita atau manusia daripada Malaysia ini kepada sebuah Kerajaan yang lain sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri China pada masa dahulu yang menghadiahkan seorang wanita kepada Kerajaan Melaka pada ketika itu.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya patut membetulkan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi yang mengatakan Nabi pernah menghadiahkan wanita kepada negara asing. Sebenarnya tidak, sebaliknya negara asing pernah menghadiahkan kepada Nabi seorang wanita dan tidak sebaliknya. Adakah kita akan menghadiahkan juga seperti orang lain menghadiahkan wanita kepada negara asing, saya tidak dapat memberi jawapan dan saya kena bertanya serta berpakat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada soalan itu.

RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG

5. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada rancangan memiliki-rumah sendiri bagi pekerja-pekerja ladang akan dimulakan di Pahang, jika ada, sila beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini masih belum ada sekim pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja ladang-ladang dan lombong-lombong yang telah dilancarkan di Pahang. Kementerian saya sekarang sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan sekim tersebut di tempat-tempat yang berikut:

- (1) Ladang Bukit Dinding, Karak.
- (2) Ladang Benta, Pahang.
- (3) Kuala Remak.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)

6. **Tuan V. SM. Vellayappa** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini untuk memajukan keadaan bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

(Tamil) di negara ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan nyatakan banyaknya peruntukan yang diluluskan bagi kerja-kerja ini dan bilangan sekolah yang akan dimajukan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sekolah-sekolah aliran lain, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) juga mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian Pelajaran telah meluluskan berbagai-bagai projek untuk memajukan sebanyak 39 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang menelan belanja sebanyak \$3,570,410. Projek-projek tersebut termasuklah pembinaan sekolah-sekolah baru, projek-projek tambahan, gantian dan projek-projek kerja-kerja kecil.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di Kampung Baru yang dibina pada masa dharurat sehingga sekarang tidak dapat dibaiki dan dimajukan atau menukar kepada bangunan yang baru. Kalau Timbalan Menteri itu sedar apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Menteriannya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa pihak estet-estet ini tidak mahu melepaskan tanah yang luas mengikut strategi pelajaran bagi mendirikan sekolah-sekolah Tamil di estet-estet. Biasanya cuma diuntukkan di antara setengah ekar atau satu ekar sahaja padahal Sekolah Rendah Kebangsaan sekurang-kurangnya dikehendaki tujuh ekar atau lebih. Adakah benar bahawa estet-estet tidak melepaskan tanahnya untuk diberikan kepada Jabatan Pelajaran untuk tujuan mendirikan sekolah.

Tuan Chan S'ang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah memang benar. Jadi oleh kerana soal ini menyentuh hak-milik ladang-ladang itu sendiri seperti yang saya sebutkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia iaitu pihak Kementerian dan pihak Jabatan Pelajaran Negeri kita

telahpun memberi kerjasama yang sangat rapat dan berusaha sedaya-upaya untuk mendapatkan tanah yang mencukupi untuk membina sekolah baru ini. Tetapi setakat hari ini kita tidak dapat kejayaan yang sepenuhnya oleh kerana barangkali masih kurang sikap tata-rakyat di antara pihak-pihak management dan sebagainya. Saya selalu katakan jikalau pihak pengurusan ladang-ladang itu cuma menimbangkan pelajaran sebagai satu investment yang sangat dihargai di dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini patutlah kita mesti memberikan apa yang kita boleh untuk meningkatkan mutu pelajaran bagi anak-anak kita di dalam ladang-ladang yang mana anak-anak buruh itu selalu menghadapi kekurangan kemudahan dan sebagainya. Jadi saya berharaplah melalui barangkali Dewan ini ataupun melalui Ahli-ahli Yang Berhormat kita supaya boleh memberikan keterangan kepada pihak pengurusan ladang-ladang supaya janganlah apabila memberi \$1 untuk cukai pelajaran mereka sudah mengatakan yang mereka telah buat semua untuk kebajikan buruh di dalam ladang-ladang itu. Jadi kita berharaplah satu penginsafan dapat dirasakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan ini boleh memudahkan kerja-kerja Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Pelajaran pada masa hadapan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Timbalan Menteri Pelajaran tahu berkenaan dengan tanah tidak menjadi soal. Jikalau Kerajaan betul-betul mahu di dalam Land Code ada menyatakan jikalau untuk public purpose atau untuk kepentingan ramai Kerajaan boleh ambil tanah itu untuk didirikan sekolah dan boleh dibayar kemudian. Ada atau tidak perkara ini jikalau sekiranya Kerajaan mementingkan pelajaran kanak-kanak di dalam estet. Itu yang saya hendak bertanya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kadang-kadang ada timbul. Ada setengah-setengah tempat kita ada membuat usaha semacam itu untuk mendirikan sekolah di ladang-ladang. Tetapi oleh kerana sepertimana saya katakan tadi, ini secara teknikal, oleh kerana di dalam estet barangkali banyak estet-estet besar itu semua di dalam sekeping geran yang besar sahaja. Jadi, jikalau kita mahukan pihak ladang itu mengeluarkan sekeping tanah di

dalam estet-estet tentu ada soal-soal teknikal dan juga barangkali ada estet-estet yang besar itu barangkali titlennya tidak disimpan oleh kumpulan itu, barangkali dia sudah gadaikan geran itu kepada bank atau syarikat-syarikat yang besar. Ini adalah technical problem, tetapi jikalau mengikut cara surat-menyurat dan sebagainya barangkali ini kena mengambil masa. Kita pun tidak boleh membuat paksaan, tetapi ada banyak tempat dalam estet-estet itu jikalau ada tanah Kerajaan telahpun didirikan sekolah baru di atas tanah Kerajaan supaya estet-estet boleh menggunakan sekolah baru yang didirikan di atas tanah Kerajaan itu. Ini kita sudah buat, tetapi pada keseluruhan perkara ini masih timbul.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussein: Soalan tambahan. Sekarang nyatalah bahawa Kementerian Pelajaran tidak ada keupayaan hendak mengambil tapak yang lebih luas mengikut strategi pelajaran. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu undang-undang menentukan sekolah rendah sekian luasnya, sekolah menengah sekian luasnya, kerana Tuan Yang di-Pertua, layanan yang tidak baik diberikan kepada pelajar-pelajar India di estet-estet itu melibatkan keupayaan Kerajaan bagi melayan satu kaum penduduk negeri ini. Penyakitnya berpunca dari tuan-punya ladang dia tidak mahu beri tanah. FELDA sendiri sanggup memberi 10 ekar. Mengapa estet ini tidak mahu beri. Kalau sudah tahu kelemahannya adakah Yang Berhormat Menteri akan membawa perkara ini kepada pihak yang berkuasa supaya diatasi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat itu adalah sangat baik dan barangkali kita boleh menimbangkan perkara ini dan saya harap pada masa akan datang apabila undang-undang ini dibentangkan akan mendapat sokongan penuh daripada Ahli-ahli Dewan ini.

PERTANDINGAN LUMBA BASIKAL ASEAN

7. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan bahawa pertandingan lumba basikal ASEAN akan diadakan dalam tahun 1979 samada beliau telah membuat rancangan untuk mendirikan sebuah veladrum.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah merancang membina sebuah veladrum sebagai institut sukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang memakan perbelanjaan lebih kurang \$44 juta tetapi oleh kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan rancangan institut sukan ini cuma mendapat kelulusan wang tanda \$10.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan ke 8, ada satu kesilapan hendak dibetulkan iaitu perkataan "oil slack". Yang saya maksudkan adalah "oil shale" iaitu sejenis batu yang boleh mengeluarkan minyak.

DASAR TENAGA NEGARA

8. Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan kepentingan Tenaga, adakah Kementerian ini mempunyai dasar tenaga negara ini yang tepat. Jika ada, sila terangkan. Berapakah peratus tenaga mengikut unsur-unsur yang tertentu seperti air (hydro); minyak, arang batu, "oil shale", nuklear dan lain-lain dan bagaimanakah rancangan jangka pendek dan panjang bagi negara ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk memastikan tenaga elektrik yang cukup untuk memenuhi keperluan negara dengan harga-harga yang berpatutan.

Oleh kerana penggunaan tenaga adalah berkembang dengan pesatnya berikutan dengan dasar perindustrian Kerajaan yang ditaksirkan meningkat naik sebanyak 12-14% tiap-tiap tahun, perancangan program pembangunan Lembaga Elektrik Negara adalah digerakkan ke arah matlamat ini. Jumlah keupayaan penjanaan L.L.N. pada masa sekarang ialah lebih kurang 1300 MW.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peratusan kemampuan penjanaan kuasa oleh L.L.N. pada masa sekarang ialah seperti berikut:

Stim Haba	80%
Haidro	19%
Stesen-stesen bandar	Disel	dan	Luar-	5%
	

Oleh kerana harga minyak bahanapi yang digunakan untuk stesen-stesen janaelektrik stim telah melambung naik sebanyak 4 kali ganda semenjak tahun 1973/1974 dahulu, maka L.L.N. telah menumpukan rancangan masa depannya seberapa yang dapat terhadap pembangunan stesen janaelektrik haidro, yang sumbernya masih banyak boleh didapati di Semenanjung Malaysia ini. Mengikut perhitungan kasar, cuma 1/3 sahaja daripada jumlah sumber haidro di Semenanjung ini yang telah diusahakan, ada 2/3 lagi yang boleh dikeluarkan.

Dalam pada itu L.L.N. tidak boleh bergantung semata-mata kepada sumber haidro kerana pengeluaran tenaga elektrik daripada stesen-stesen janaelektrik haidro itu bergantung kepada cukupnya air yang ditakung dan ini bergantung pula kepada hujan iaitu satu faktor yang tidak dapat kita kawal. Oleh itu, stesen-stesen haba terpaksa pula dibina serentak untuk menghadapi keperluan tenaga. Di samping itu penjanaan kuasa dengan arang sebagai bahanapi adalah sedang ditimbang.

Pada masa ini juga kajian sedang dibuat oleh L.L.N. untuk menilai sistem-sistem nuklear yang telah terbukti yang sedang dikendalikan di negara-negara yang lebih maju untuk menentukan sistem yang paling sesuai bagi menampung keperluan-keperluan negara kita.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan iaitu adalah menjadi dasar Kementerannya untuk membekalkan tenaga-tenaga elektrik dengan harga yang berpatutan. Bolehlah saya mendapat penjelasan, bagaimanakah Kementerian tersebut dapat memastikan bahawa harga yang dibekalkan itu adalah berpatutan; dari manakah basis kira-kiranya itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkara yang kompleks sekali dan saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya, L.L.N. telah mengadakan satu Perunding (Consultancy Group) yang telah mengkaji perkara ini dengan teliti dan telah memberi lapuran kepada Lembaga ini.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya senang hati mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan L.L.N. mempunyai tenaga yang cukup dan persediaan yang cukup untuk menghadapi kekurangan kegunaan tenaga masa hadapan. Tetapi saya ada sedikit muskil dan saya hendak tumpang bertanya supaya dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kenapakah di dalam serba kecukupan tadi bekalan-bekalan kepada setengah-setengah tempat adalah sangat lembab. Ada kalanya; yang saya maksudkan mungkin di Negeri Pantai Timur, Negeri Trengganu, 5 bulan dibuat bayaran belum lagi dapat bekalan letrik dari L.L.N. Ini benar-benar berlaku. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tahu nombor failnya, saya boleh kemukakan di luar Dewan ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu memberi butir-butirnya kepada Kementerian saya.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit iaitu adakah koordinasi dengan Kementerian Yang Berhormat itu berkenaan dengan penyelidikan tenaga-tenaga oleh kerana baharu-baharu ini saya tengok ada penyelidikan di Universiti Sains Pulau Pinang telah mengambil tenaga matahari. Begitu juga saya rasa tenaga-tenaga yang lain yang diselidik bagaimanakah gaya koordinasi supaya tenaga iaitu dasar tenaga samada tenaga itu daripada letrik ditukar kepada kepanasan dan sebaliknya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mengambil perhatian atas potensi tenaga itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beliau sedar iaitu tenaga adalah penting untuk kilang-kilang dan lain-lain

lagi di negeri ini dan telah menjawab pada hari ini tenaga adalah mencukupi. Akan tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor, di Trengganu tenaga letrik memang tidak mencukupi. Di Petaling Jayapun tidak ada lampu, sebulan sekali gelap. Kilang-kilang di Kuala Langat komplek tidak ada tenaga letrik dan kilang-kilang itu terpaksa berhenti. Jadi, kalau pemodal asing tahu kilang tidak berjalan buat apa tanam modalnya di sini untuk mendirikan kilang lagi oleh kerana tenaga-tenaga letrik berkurangan. Jadi, saya hendak tahu betul-betul bilakah tenaga letrik iaitu yang dikatakan hydro-electric hendak dibuat di Pahang itu oleh kerana sungai Pahang banyak airnya kadang-kadang karam habis melimpah-limpah menjahanamkan harta rakyat dan nyawa rakyat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tenaga letrik adalah mencukupi pada puncanya, jadi selepas letrik ini dijanakan di stesyen-stesyen yang berkenaan tenaga ini perlulah dibekalkan ke tempat-tempat yang lain seperti kilang-kilang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi, kalau tempat-tempat yang berkenaan tidak dapat tenaga ini merupakan satu masalah transmission dan distribution dan masalah ini sedang diambil perhatian.

TANAH DIBERI KEPADA RAKYAT

9. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada penerangan boleh diberikan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai jumlah ekar tanah yang telah diberikan kepada rakyat pada satu masa yang lalu tetapi sekarang tinggal terbengkalai atau tidak diusahakan. Apakah langkah yang telah diambil untuk membolehkan tiap-tiap negeri itu membuat rancangan sendiri di bawah Rancangan Malaysia Ketiga supaya tanah itu berekonomi dan viable dan apakah bentuk bantuan yang akan dihulurkan oleh Kerajaan Pusat dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, penerangan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu iaitu diberitahu melalui Kerajaan-kerajaan Negeri boleh diberi jika sekiranya

perlu dan jika sekiranya kita ada mempunyai butir-butir lanjut mengenai perkara ini. Satu kajian yang dibuat oleh Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menyebut ada lebih kurang 2,240,237 ekar tanah bermilik yang terbiar. Walau bagaimanapun, kajian itu tidak pula memberikan pecah-pecahan tanah terbiar mengikut negeri-negeri. Di antara sebab-sebab mengapa tanah-tanah bermilik itu terbiar ialah ketiadaan parasana (infrastruture) seperti taliair dan jalanraya, tuan tanah belum dapat dipastikan kerana bicara harta pusaka belum selesai. Tenaga muda di kampung sudah berpindah di bandar-bandar, kerosakan tanaman akibat kemarau, kebakaran, serangan binatang liar, serangga-serangga modal-modal petani adalah terhad untuk membangunkan tanah-tanah mereka, ketidak-sesuaian tanah dengan tanaman dan juga lot-lot yang terlampau kecil merupakan tidak sebagai satu economic holding dan oleh itu tidak memberi satu insentif.

Selain dari itu, ada sebabnya tuan tanah itu tinggal jauh daripada tanahnya dan tanah itu bukanlah merupakan punca utama pendapatan tuan tanah ini. Sungguhpun keluasan tanah terbiar itu adalah lebih kurang 2,240,233 ekar tetapi ianya adalah bertaburan di merata Semenanjung Malaysia. Ada tanah terbiar yang luasnya hanya satu ekar ataupun kurang dan ada juga di satu-satu tempat tanah terbiar yang luasnya lebih beratus ekar.

Oleh kerana tanah-tanah bermilik yang terbiar ini bertaburan ianya mendatangkan kesulitan kepada mana-mana agensi yang hendak membangunkan tanah-tanah itu. Untuk membolehkan tanah-tanah yang terbiar atau terbengkalai ini mengeluarkan hasil maka Kerajaan menerusi agensi-agensi seperti FELCRA, RISDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri, Jabatan-jabatan Pertanian telah memulihkan tanah-tanah ini dan juga memberi bantuan subsidi seperti baja, benih tanaman, bantuan infrastruktur dan juga bantuan nasihat.

Selain dari itu, pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mencadangkan supaya satu organisasi yang dinamakan Lembaga Amanah Tanah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelesaikan beberapa masalah sosio-ekonomi rakyat, pentadbiran tanah, hakmilik dan undang-undang. Adalah dipercayai bahawa

organisasi seperti ini akan dapat menolong mengatasi sebahagian daripada masalah tanah terbiar ataupun terbengkalai ini. Pihak Kerajaan Pusat telahpun bersetuju pada prinsipnya dengan konsep Lembaga Amanah Tanah ini. Perkara ini telahpun dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara dan ianya masih dalam kajian yang aktif.

PENGURUS BESAR KERETAPI TANAH MELAYU

10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perhubungan menyatakan semenjak Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu sekarang memegang jawatannya, berapa kali berlaku (a) kegelinciran keretapi, (b) pelanggaran, dan (c) kerosakan alat-jentera, dan nyatakan jumlah kerugian dialami akibat kejadian ini. Berapa ramai pekerja-pekerja Keretapi yang telah diambil tindakan tata-tertib terhadap mereka seperti dibuang kerja, turun pangkat, atau ditahan kenaikan gaji.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yang Berbahagia Datuk Ishak bin Tadin menjadi Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu, bilangan kegelinciran, pelanggaran, kerosakan alat jentera dan perbelanjaan yang terlibat adalah seperti berikut:

Tahun	Kegelin- ciran	Perlang- garan	Kerosak- kan Alat Jentera	Per- belanjaan yang terlibat	
1975	...	88	1	324	\$590,113
1976	...	80	1	402	602,666
1977 (hingga Jun, 1977)		63	—	283	346,182

Tiap-tiap kepincangan di atas adalah diselidiki dengan rapinya dan jika ianya ter-cetus akibat kecuaiannya kakitangan maka tindakan tatatertib adalah diputuskan.

Dalam tempoh dari bulan Ogos, 1975 hingga sekarang, 74 orang telah dibuang kerja, 2 orang telah diturunkan pangkatnya dan 150 hukuman memberhentikan kenaikan gaji atau menangguhkan kenaikan gaji telah dijalankan. Pembangunan kerja tersebut bukanlah kerana terlibat dalam kegelinciran atau pelanggaran yang tersebut di atas akan tetapi kerana telah meninggalkan jawatan atau terlibat dalam kes-kes jenayah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1976, 80 kegelinciran dan tahun 1977, 63 kegelinciran. Adakah kegelinciran ini disebabkan relnya terlampau kecil dan lari laju, jadi dia goyang? Saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beberapa kali naik keretapi? Kalau lari laju rasa hendak tumbang sahaja keretapi itu, oleh kerana sedikit sahaja goyangnya dia sudah jatuh. Adakah Kerajaan berniat pada masa akan datang akan dibesarkan lagi gauge itu supaya tidak tergelincir lagi?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, kegelinciran ini berlaku bukanlah kerana rel itu kecil oleh sebab rel yang dibuat itu sesuai dengan keadaan gerabak ataupun lokomotif yang ada dipakai di negara ini. Kegelinnciran ini adalah disebabkan berbagai-bagai masalah. Ada di antaranya ialah kecuaiian manusia, ada di antaranya oleh kerana barangkali lebih kelajuannya dan ada di antaranya akibat sabotaj dan seumpamanya yang berlaku sehingga masa ini. Rasa saya tidaklah mustahak bagi Keretapi Tanah Melayu meluaskan relnya yang ada sekarang ini selagi penggunaan gerabak ataupun lokomotif yang dipakai adalah jenis keadaan yang ada sekarang ini.

JAMBATAN MENGHUBUNGI PULAU PINANG

11. Tuan Oh Siew Ann minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai projek Jambatan menyambungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar, dan bagaimanakah projek ini akan dibiayai.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Jurutera Perunding bagi projek jambatan Pulau Pinang ini telah dilantik pada 1hb Disember, 1976 dan mereka sedang menjalankan kajian-kajian teknik, rekabentuk permulaan, kerja ukur mengukur serta kajian "hydraulic". Peringkat ini dijadualkan siap pada bulan Ogos, 1977 dan pihak perunding akan menyediakan satu laporan permulaan untuk kelulusan Kerajaan. Rekabentuk dan dokumen tawaran dijangka akan siap pada bulan Ogos, 1979. Mengikut jadual projek, pembinaan jambatan ini akan dilaksanakan

pada bulan September, 1980 dan akan memakan masa sekurang-kurangnya 4 tahun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertanggungjawab bagi projek ini. Pada prinsipnya satu syarikat akan ditubuhkan. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta akan mengambil bahagian dalam syarikat ini dan syarikat ini akan mentadbirkan pelaksanaan projek jambatan ini.

LATIHAN ELEKTRONIK KEPADA BANDUAN

12. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan menimbang supaya banduan-banduan di penjara-penjara dan di tempat-tempat tahanan seperti di Pulau Jerejak seharusnya tidak digalakkan menjalani latihan di dalam bidang Electronic dan Kejuruteraan memandangkan kemungkinan beberapa orang daripada banduan yang akan menjadi jahat balik selepas keluar dari tahanan. Jika sedar adakah beliau akan mengarahkan supaya banduan-banduan di latih dalam bidang pertanian sahaja selain daripada perusahaan-perusahaan tangan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang tidak ada latihan elektronik dan kejuruteraan yang diberikan kepada banduan-banduan atau orang-orang tahanan. Bekenaan dengan latihan dalam bidang pertanian dan perusahaan-perusahaan tangan, sememangnya menjadi latihan utama di pusat-pusat tahanan kita.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

13. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebanyak 5,000 borang permohonan untuk rumah-rumah harga rendah yang akan dibina oleh Kerajaan di tiap-tiap negeri telah dikeluarkan

tetapi sebenarnya bilangan rumah yang hendak dibina ialah hanya sebanyak 200 unit, jika ya, nyatakan mengapa:

- (a) seseorang yang ingin memiliki sebuah rumah itu terpaksa mengambil masa 3 hari untuk mendapatkan borang permohonan itu;
- (b) saksi di dalam borang permohonan mestilah terdiri daripada orang yang berpangkat;
- (c) pemohon kena mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan mengemukakan sekeping setem berharga \$4; dan
- (d) terdapat orang-orang yang menjual borang-borang kepada mereka yang tidak tahu bahawa borang-borang ini adalah percuma.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri biasanya mengeluarkan borang permohonan untuk rumah awam kos rendah lebih banyak dari bilangan rumah yang hendak dibina. Terlebih dahulu saya suka menjelaskan bahawa tindakan mengeluarkan borang-borang permohonan sedemikian rupa adalah dibuat bagi tujuan:

Pertama bagi membolehkan rakyat yang layak memohon rumah-rumah dalam satu-satu projek yang hampir siap atau telah siap dibina, samada sebagai projek perumahan awam kos rendah atau projek perumahan awam yang bukan kos rendah;

Kedua untuk mendaftarkan diri sebagai pemohon yang layak dipertimbangkan apakala ada peruntukan rumah dibuat kelak. Proses kedua ini adalah satu "on-going registration exercise" yang dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga, oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau P.D.C. dalam tahun ini sebagai langkah menilai permintaan terhadap perumahan di kawasan-kawasan mereka, jenisnya dan menentukan ketegori perumahan serta menolak permohonan yang tidak layak tanpa menunggu masa rumah-rumah itu tersiap kelak.

Walaupun benar permohonan-permohonan sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu diterima lebih dari bilangan

unit yang hendak dibina, tetapi ada juga masanya di mana permohonan-permohonan yang diterima itu tidak meningkat begitu banyak sekali.

Bagi menjawab soalan (a) Ahli Yang Berhormat itu saya telah diberitahu oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bahawa biasanya pihak tersebut memberi tempoh lebih kurang 2 minggu atau lebih bagi orang-orang ramai membuat permohonan apabila permohonan untuk mendapatkan rumah dibuka. Dalam masa yang panjang ini, peristiwa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak mungkin berlaku, terutama sekali jika lebih dari satu pusat digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengedarkan borang-borang tersebut. Bagi Negeri Pulau Pinang serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula borang-borang permohonan dikeluarkan pada setiap masa pejabat. Orang ramai boleh datang sendiri mengambilnya daripada pejabat-pejabat yang ditetapkan atau meminta melalui pos, pada kebiasaannya borang diberi serta-merta.

Bagi soalan (b) Kerajaan-kerajaan Negeri serta Dewan Bandaraya tidak pernah menjadikan syarat supaya saksi dalam borang permohonan terdiri daripada orang yang berpangkat.

Mengenai soalan (c) biasanya hanya pemohon yang berjaya sahaja diminta mengangkat sumpah. Tujuannya ialah sekiranya terdapat kelak keterangan palsu yang diberi oleh pemohon itu, maka ia boleh didakwa di mahkamah. Dokumen tersebut dibuat di bawah Statutory Declaration Act, 1969 dan dikenakan bayaran.

Mengenai soalan (d) saya tidak sedar ada orang yang menjual borang-borang permohonan. Borang-borang tersebut diedarkan percuma kepada orang-orang ramai yang memohon. Di atas borang tersebut juga ditulis dengan terang bahawa borang adalah percuma. Namun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu tahu adanya kes di mana terdapat orang-orang menjual borang tersebut, saya amat berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat melaporkannya kepada pihak berkuasa berkenaan.

Puan Dasimah Dasir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bagi borang-borang atau kelayakan yang diminta, saya percaya di Pulau Pinang barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak

melawat, apa yang terjadi baru-baru ini di negeri Pulau Pinang, saya harap hendaklah diberitahu bagaimanakah kelayakan yang diperlukan bagi orang yang memohon rumah itu?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kelayakan untuk mendapat rumah itu ialah:

- (i) Pendapatan sekeluarga pemohon;
- (ii) Pemilikan rumah atau tanah oleh pemohon, adakah dia mempunyai tanah atau rumah;
- (iii) Jenis kerja pemohon;
- (iv) Tanggungan pemohon;
- (v) Keupayaan pemohon untuk membayar balik;
- (vi) Lamanya pemohon tinggal dalam kawasan projek perumahan dalam kawasan itu.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan itu saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tolonglah melawat ke Pulau Pinang melihat daripada 500,000 borang-borang yang dikeluarkan rumah yang dibina hanya 4,500 sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan silalah melawat ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu lain daripada soalan asal.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada atau tidak dasar Kerajaan di dalam pemilihan ini sekurang-kurangnya 15% daripada pemohon-pemohon ini diberi timbangan kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan oleh kerana bekas-bekas Pasukan Keselamatan samada dari polis atau tentera adalah merungut di atas perkara ini kerana tidak ditimbangkan langsung di atas permohonan ini. Bolehkah atau tidak tiap-tiap pemilihan 15% akan ditimbangkan?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengumumkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan diberi 10% dan bukan 15%. Pada peringkat ini 10% telah ditetapkan kepada bekas-bekas pasukan keselamatan.

ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN MENINGGAL DUNIA

14. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota pasukan keselamatan yang meninggal dunia dalam serang hendap pengganas-pengganas Komunis dalam tahun 1976 dan 1977 dan angka pecahan menurut Negeri dan juga pangkat mereka.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya dalam tahun 1976 dan 1977 Pasukan Keselamatan kita tidak mengalami tindakan serang hendap (ambush) dari pihak komunis. Apa yang berlaku ialah Pasukan Keselamatan kita sentiasa memburu komunis dan kadangkala apabila ada pertempuran kemalangan itu berlaku.

Selain daripada itu, ada di antara anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita telah terkorban akibat kemalangan terpijak jerangkap samar semasa mengesan tempat-tempat musuh.

Untuk makluman Dewan jumlah anggota-anggota polis dan tentera yang terkorban atau meninggal dunia ketika menjalankan tugas ialah seramai 54 orang dalam tahun 1976 dan 26 orang dalam tahun ini (hingga 20hb Julai, 1977). Di antaranya itu:

<i>Tahun</i>	<i>Polis</i>	<i>Askar</i>
1976	13	41
1977	3	23

GURU-GURU BESAR

15. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru yang telah dilantik menjadi Pemangku Guru-guru Besar dan telah menjalankan tugas-tugas mereka lebih daripada tiga tahun dengan baiknya; dan
- (b) bilakah mereka ini akan dilantik sebagai Guru-guru Besar tetap.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru yang telah dilantik menjadi Pemangku Guru-guru Besar dan telah menjalankan tugas-tugas mereka lebih daripada 3 tahun

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila beri bilangan (a) berapa dan (b) bila.

Tuan Chan Siang Sun:

- (a) 250 orang yang terdiri daripada 60 orang guru-guru sekolah menengah dan 190 orang guru-guru sekolah rendah dari berbagai aliran.
- (b) Kementerian saya sedang mengambil tindakan mengesahkan kenaikan pangkat mereka dan dijangka selesai menjelang akhir tahun ini.

CARIGALI DAN MELOMBONG PETROLIAM

16. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dan kemajuan terakhir dalam usaha mencarigali dan melombong petroliam di dasar laut Negeri Trengganu oleh pihak PETRONAS.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, hingga masa ini hanya sebuah syarikat minyak sahaja, iaitu Exxon Production, yang telah menandatangani Perjanjian Perkongsian dengan PETRONAS untuk mencarigali dan mengeluarkan minyak dari dasar laut Negeri Trengganu.

PETRONAS telahpun meluluskan Rancangan Carigali Exxon bagi tahun 1977 ini untuk menggali tiga telaga dan mengerjakan sukatan seismik sebanyak 1,770 km. PETRONAS juga telah membenarkan Exxon menggali dan mengeluarkan minyak dari dua kawasan minyak, iaitu Pulau dan Tapis di daerah ini.

Buat masa ini, Exxon telah siap mendirikan Pelantar Pulau A dan sedang mendirikan Pelantar Tapis A. PETRONAS juga meluluskan permohonan Exxon untuk menempah dua lagi pelantar untuk didirikan di kawasan minyak Tapis dan Bekok.

Kebenaran telah juga diberikan kepada Exxon untuk membeli alat-alat dan keperluan-keperluan kerja mencarigali dan pengeluaran seperti sistem perhubungan, saluran paip dan lain-lain.

PETRONAS menjangka minyak mentah akan mula dikeluarkan dari kawasan laut Trengganu pada akhir tahun 1977 ini.

PETRONAS juga sedang berunding dengan Continental Oil Company (CONOCO) mengenai kerja mencarigali dan mengeluarkan minyak di kawasan ini.

Saya ingin memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa PETRONAS akan sentiasa mengawasi kerja mencarigali dan mengeluarkan minyak supaya kerja-kerja ini dilakukan dengan sempurna demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

JAMBATAN MENGHUBUNGI PULAU PINANG

17. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kerja-kerja membina jambatan menghubungkan tanah besar dan Pulau Pinang akan dimulakan dan dianggarkan siap.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghavi Gilong): Jawapan kepada pertanyaan ini telah saya berikan sebentar tadi ketika menjawab pertanyaan bilangan 11 daripada Senator Oh Siew Aun. Saya tidak bercadang hendak menambah jawapan tersebut.

PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL BESAR MELAKA

18. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa bahan-bahan makanan yang dibekalkan oleh kontraktor kepada pesakit-pesakit di Hospital Besar Melaka seperti pisang dan tau-hu, didapati masam dan basi dan sebahagian besar dari makanan tersebut adalah tidak layak dimakan manusia, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mencegah terjadinya lagi kejadian seperti ini di masa hadapan di hospital-hospital di negara ini, terutama sekali di Hospital Besar Melaka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Ya, saya sedar bahawa makanan yang dibekalkan oleh kontraktor kepada pesakit-pesakit di Hospital Besar Melaka seperti pisang dan tau-tau didapati masam dan basi. Saya menyedari perkara ini berlaku semasa lawatan mengejut saya ke dapur Hospital Besar Melaka pada 24hb April 1977. Saya sendiri telah merasai tau-hu itu untuk mengetahui keadaan sebenarnya. Saya telah mengarahkan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Melaka supaya memberikan amaran tegas kepada kontraktor itu dan supaya selalu memeriksa bahan-bahan makanan yang dibekalkan oleh kontraktor. Sekiranya makanan yang dibekalkan itu tidak memuaskan, kontrak tersebut mestilah ditamatkan dan kontraktor berkenaan di "blacklist" daripada senarai kontraktor-kontraktor yang membekalkan makanan kepada hospital-hospital.

Pentadbiran hospital telah selalu menjalankan pemeriksaan rapi ke atas bekalan makanan dan sehingga ke hari ini makanan yang dibekalkan kepada hospital adalah memuaskan.

ALLAHYARHAM DATO' SIR ONN BIN JAAFAR

19. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menimbangkan supaya jenazah Allahyarham Dato' Sir Onn bin Jaafar yang dikebumikan di Johor itu dipindahkan ke Makam Pahlawan Negara di perkarangan Masjid Negara di Kuala Lumpur sebagaimana yang dicadangkan oleh seorang wakil Mesyuarat Agong Perhimpunan UMNO Yang Ke 28 baru-baru ini, dan jika ya, samada peristiwa bersejarah ini akan dijalankan dengan secepat mungkin dengan penuh kehormatan negara oleh kerana beliau adalah satu-satunya pemimpin yang mempunyai semangat yang tinggi yang telah merintis jalan bagi memperjuangkan kemerdekaan negara kita sewaktu zaman penjajah dahulu.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Y.A.B. Perdana Menteri mengucapkan terima kasih di atas ingatan baik Ahli Yang Berhormat itu.

Kerajaan memang mengakui bahawa Allahyarham Dato' Sir Onn bin Jaafar adalah tokoh yang penting di dalam mem-

perjuangkan kemerdekaan negara kita. Segala jasa dan khidmat Allahyarham itu telah termaktub dalam sejarah negara Malaysia dan tiada siapa yang dapat menyangkalnya.

Jenazah Allahyarham Dato' Sir Onn bin Jaafar telah dikebumikan di tempat asalnya di Johor dan ini adalah mengikut kehendak keluarga Allahyarham itu. Oleh yang demikian, dan juga supaya tidak menyusahkan jenazah Allahyarham, Kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan jenazah Allahyarham itu dari tempatnya sekarang.

Rakyat dan Kerajaan Malaysia serta sejarah akan tetap mengenang Allahyarham Dato' Sir Onn bin Jaafar sebagai tokoh dan pahlawan negara dan hakikat ini tidak akan berubah samada jenazah beliau dipindahkan ke Makam Pahlawan atau tetap berada di Johor.

BANTUAN TEKNIK DARI NEGARA KOMANWEL

20. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk-bentuk faedah, bantuan, pertolongan dan kerjasama yang membina yang diterima oleh Malaysia dari negara-negara Komanwel semenjak Malaysia menjadi ahli pertubuhan tersebut. Samada bantuan-bantuan dalam bentuk pinjaman kewangan bagi kemajuan negara, pelajaran, perdagangan dan perindustrian.

Datuk Hussein bin Onn: Sejak menjadi ahli penuh Komanwel, Malaysia telah mendapat banyak bantuan teknik dan modal terutamanya dari negara-negara ahli Komanwel yang maju. Bantuan teknik dalam bentuk biasiswa-biasiswa, hadiah-hadiah latihan, alat-alat kelengkapan, khidmat perunding, pembiayaan bagi penyelidikan pasaran dan kajian-kajian kemungkinan, pakar-pakar dan penasihat-penasihat adalah diterima menerusi perjanjian duahala dan pelbagai hala. Sementara itu bantuan modal adalah diberi melalui perjanjian Antara-Kerajaan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, Malaysia telah menerima bantuan teknik bernilai kira-kira \$133.5 juta dari negara-negara Komanwel. Sebahagian besar

dari bantuan teknik ini disalurkan ke bidang pelajaran dan latihan (iaitu 38%), infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam (17.8%), pembangunan pertanian dan luar bandar (13.8%) dan pentadbiran am (13.1%).

Dari segi pelbagai hala (multilateral basis), bantuan teknik disalurkan melalui Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknik (Commonwealth Fund for Technical Co-operation). Malaysia telah menerima banyak faedah melalui tiga program yang ada dibawah Tabung ini. Sebahagian daripada bantuan-bantuan yang diterima dibawah rancangan bantuan teknikal ini termasuk menghantar pakar-pakar dan juga menjalankan kajian-kajian feasibility. Di bawah Rancangan Kemajuan Pasaran Ekspot (Export Market Development Programme), C.F.T.C. telah membiayai kajian-kajian di dalam bidang-bidang pelancungan, keluaran-keluaran getah, nenas yang ditinkan, minyak kelapa sawit dan juga potensi ekspot untuk kayu balak daripada Malaysia. Di bawah Rancangan Pelajaran dan Latihan pula, C.F.T.C. telah membiayai latihan-latihan untuk pegawai-pegawai pelajaran dan kehadiran pegawai-pegawai daripada lembaga-lembaga Pelabuhan dari Malaysia ke kursus-kursus yang diselenggarakan oleh Negara-negara Komanwel lain. Sambil itu, rancangan tersebut telah juga menyediakan hadiah-hadiah latihan sebanyak "350 man-months" untuk Malaysia.

Mengenai Bantuan modal pula, cuma Britain dan Kanada yang telah memberikan bantuan pinjaman untuk membiayai berbagai-bagai projek pembangunan di negara ini terutama sekali dalam bidang tenaga dan dari segi ini projek yang terkemuka sekali yang mendapat bantuan pinjaman dari Kanada ialah rancangan Haidro elektrik Temenggor dan juga kajian permulaan haidro elektrik Kenering dan Bersia. Bantuan dari British pula di antara lain telah digunakan untuk membeli kelengkapan alat-alat sektor awam bagi kegunaan Keretapi Tanah Melayu dan Jabatan Kerjaraya dan menjalankan kajian-kajian ke atas beberapa projek pembangunan seperti Johor Tenggara, Pelabuhan Kelang dan lain-lain.

LAMPU ISYARAT

21. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa ada terdapat lampu isyarat-lampu isyarat di simpang-simpang jalan sering rosak dan memakan masa yang lama sebelum polis lalulintas datang untuk memberi bantuan kepada lalulintas dan perkara begini adalah sangat merbahaya jika dibiarkan berpanjangan. Jika sedar, apakah tindakan beliau bercadang untuk ambil dan jika tidak mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Perkara kerosakan lampu isyarat di simpang-simpang jalan mungkin ada kalanya tidak dapat dieiakkan oleh kerana terputus bekalan letrik ataupun tiang-tiang lampu itu dilanggar oleh kenderaan atau sebagainya. Saya difahamkan Polis Lalulintas akan mengambil masa dalam 3 atau 4 minit sahaja setelah mendapat maklumat kerosakan itu. Apa yang dikehendaki dalam keadaan yang demikian ialah seorang yang mengetahui kerosakan itu berlaku hendaklah bersikap menaruh perasaan tata sivilik dan menalipon Polis Lalulintas. Daripada maklumat yang saya dapat kerosakan lampu isyarat ini tidaklah begitu kerap berlaku sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

BENGKEL KERETA/MOTOSIKAL

22. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa bengkel-bengkel memperbaiki kereta dan motosikal di kawasan-kawasan perumahan dibuka sampai larut malam dan ini mengganggu ketenteraman penduduk-penduduk yang mahu berehat, kerana asap dan bunyi enjin apabila mekanik-mekanik menghidupkan enjin kereta atau motosikal dengan bisingnya. Jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil dan jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya seringkali juga menerima aduan berkenaan dengan kacau gangguan yang timbul daripada bengkel-bengkel memperbaiki

kereta dan motosikal di kawasan-kawasan perumahan sehingga larut malam. Bengkel-bengkel memperbaiki kereta adalah dilesen oleh penguasa-penguasa tempatan dan sekiranya bengkel-bengkel itu menimbulkan kacau gangguan kepada penduduk-penduduk yang disekelilingnya maka mereka itu boleh mengambil satu daripada 2 langkah, seperti berikut :

- (a) membuat aduan di Balai Polis di bawah undang-undang jenayah-jenayah kecil (Minor Offences Ordinance), atau
- (b) membuat aduan kepada penguasa tempatan yang berkenaan dan jika didapati benar aduan itu maka penguasa tempatan itu boleh menarik balik lesen yang dikeluarkannya itu.

Walaupun demikian, mungkin ada sebuah atau dua buah bengkel yang kadang-kala terpaksa memperbaiki kereta hingga larut malam tetapi ini disebabkan oleh desakan pengembara-pengembara yang mengalami kerosakan kenderaannya di tengah jalan. Saya rasa perkara yang begini bolehlah dibiarkan. Seperkara lagi mungkin bengkel-bengkel yang ada sekarang ini telah dilesen 10 atau 15 tahun dahulu dan pada masa itu kawasan di sekitar bengkel-bengkel itu belum lagi dimajukan tetapi pada hari ini kawasan-kawasan itu telah dimajukan dan dalam keadaan yang demikian penguasa tempatan perlu membuat rancangan untuk memindahkan bengkel-bengkel itu ke tempat yang jauh daripada kawasan kediaman. Perkara yang begini biasanya amat rumit untuk dibereskan dengan segera. Saya sanggup mengemukakan perkara ini kepada penguasa-penguasa tempatan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tindakan mereka itu.

TANGKAPAN IKAN

23. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa cara-cara menangkap ikan di sebelah utara Semenanjung Malaysia masih lagi kebelakangan khususnya di kalangan-kalangan nelayan-nelayan Melayu dan cara-cara menyimpan ikan-ikan yang baharu ditangkap dengan ketul-ketul ice adalah tidak memuaskan kerana selalunya 20 peratus daripada tangkapan itu rosak sebelum sampai ke darat. Adakah beliau mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan peti

sejuk yang dijalankan dengan alat jentera (generator) untuk dibawa di dalam kapal nelayan, seperti yang dilakukan di negeri-negeri yang lain yang maju. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Saya sedar masih lagi terdapat penangkapan ikan cara tradisional. Sungguhpun begitu adalah tidak benar 20% daripada tangkapan itu rosak sebelum sampai ke darat disebabkan cara penyimpanannya di dalam bot.

Anggaran kerosakan mungkin mencapai 20% apabila ikan itu sampai kepada pengguna-pengguna kerana masalah "handling" seperti di tempat pendaratan dan di pasar borong. Untuk mengatasi masalah berkaitan dengan "handling" ikan ini, satu kajian sedang dijalankan di Semenanjung Malaysia dengan bantuan Kerajaan British.

Hasil dari kajian ini dijangka boleh menentukan samada syur melengkapkan peti sejuk di bot-bot nelayan dapat dilaksanakan atau tidak dari segi perbelanjaan.

USUL

LAPURAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGARA (DN. 2 TAHUN 1977)

3.40 ptg.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa Lapuran Yang Pertama Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara yang telah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebagai Kertas No. DN. 2 tahun 1977, diterima.

Sebagaimana yang telah diuraikan dalam Lapuran tersebut, pada 20hb dan 21hb April tahun ini tatkala membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana membuka Penggal Yang Ketiga, Parlimen Yang Keempat, Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah menarik perhatian

Dewan terhadap satu perenggan dalam kenyataan akhbar oleh Encik K. Thillainathan pada 4hb Februari 1977 yang dilaporkan dalam *Business Times* bertarikh 5hb Februari 1977 seperti berikut:

“He (Mr Thillainathan) regretted Government’s attitude in bulldozing through the salary report in Parliament which he likened to ‘training some mindless dogs and letting them bark from time to time when they want’.”

Terjemahan dalam Bahasa Malaysia

“Beliau (Encik Thillainathan) kesal atas sikap Kerajaan meluluskan lapuran mengenai gaji di Parlimen yang disamakan-nya dengan melatih sebilangan anjing-anjing tidak berakal dan membiarkannya menyalak dari semasa ke semasa apabila mereka kehendak.”

Kenyataan ini dianggap oleh Yang Berhormat Senator itu sebagai merendahkan maruah Parlimen dan dengan kerana itu pada 26hb April, 1977 beliau mengemukakan satu usul yang telah diluluskan oleh Dewan Negara seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan dan memandang berat di atas kenyataan yang kononnya telah dibuat oleh Pengerusi M.T.U.C., Bahagian Pulau Pinang yang dilaporkan dalam akhbar *Business Times* bertarikh 5hb Februari, 1977 dan memutuskan bahawa perkara ini dikemukakan dengan segera kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk dipertimbangkan dan membuat syor-syor seberapa segera yang boleh”.

Pada 7hb Mei, 1977 Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara telah bersidang dan menimbangkenyataan akhbar Encik K. Thillainathan khasnya perenggan yang menyentuh Parlimen seperti yang saya nyatakan awal tadi. Jawatankuasa juga telah menimbangkenyataan satu surat daripada Encik K. Thillainathan bertarikh 29hb April, 1977 yang diterima oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara berikutan dengan kelulusan usul yang dibawa ke dalam Dewan Negara oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan pada 26-4-1977 itu. Dengan izin

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan teks sepenuhnya surat Encik K. Thillainathan itu seperti berikut:

“No. 52, Jalan Chow Thye,
Penang.
29th April, 1977.

Yang di-Pertua Dewan Negara,
Bangunan Parlimen,
Kuala Lumpur.

Tuan,

On 4th February, 1977 in the course of an interview with the Press and speaking of the passing of the Cabinet Report on Salaries by Parliament, I referred to the barking of mindless dogs.

I would like to say here and now that I regret having used these expressions and I withdraw them unreservedly.

They were used, without thought, in the course of talking to the Press. It is not my wish to disparage Parliament and I wish to apologise to Parliament for having used these expressions and to express my regret to members of both Houses for the pain that may have been caused them.

I trust that this apology will be accepted in the same sincere spirit that it is offered and I am agreeable to it being published in any manner that you may consider appropriate.

Yang benar,

t.t.
(K. THILLAINATHAN)
Pengerusi M.T.U.C.
Bahagian Pulau Pinang.”

Terjemahannya dalam Bahasa Malaysia:

“No 52, Jalan Chow Thye,
Penang.
29hb April, 1977

Yang di-Pertua Dewan Negara,
Bangunan Parlimen,
Kuala Lumpur.

Tuan,

Pada 4hb Februari, 1977 dalam satu sidang akhbar dan tatkala bercakap berkenaan dengan Parlimen meluluskan Lapuran Kabinet mengenai gaji, saya merujuk kepada salakan anjing-anjing tidak berakal.

Saya ingin menyatakan di sini dan sekarang bahawa saya kesal kerana telah menggunakan perkataan-perkataan itu dan saya menariknya balik tanpa bersyarat.

Perkataan-perkataan itu digunakan, tanpa berfikir, semasa bercakap kepada Akhbar. Bukanlah menjadi hasrat saya hendak merendahkan maruah Parlimen dan saya suka hendak meminta maaf kepada Parlimen kerana telah menggunakan perkataan-perkataan itu dan melafazkan kesal saya kepada ahli-ahli kedua-dua buah Dewan jika perkataan-perkataan itu pedih bagi mereka mendengarnya.

Saya percaya maaf yang saya pohon ini akan diterima dengan semangat tulus ikhlas yang sama sebagaimana ianya diberi dan saya bersetuju jika permintaan maaf ini disiarkan dengan apa jua cara yang tuan fikirkan menasabah.

Yang benar,

t.t.

(K. THILLAINATHAN)
Pengerusi M.T.U.C.
Bahagian Pulau Pinang."

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Encik K. Thillainathan telah meminta maaf kepada Parlimen tanpa bersyarat maka adalah wajar bagi Dewan Negara menerima maaf yang dipohon oleh Encik K. Thillainathan dan seterusnya menerima Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas No. DN. 2 tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.48 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara (D.N. 2 tahun 1977) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, amat senang dan saya masih ingat bahawa tabiat orang Arab apabila seorang Arab berkelahi

atau bergaduh dengan seorang yang lain, umpamanya, A telah memukul kepala B, kemudian teringat oleh A tentang perbuatannya itu, lalu minta maaf: "Sallallahu'alan Nabi". Jadi B tak boleh lagi balas, sekalipun dia kena sepak. Jadi dari tabiat Arab itu dipelajari hingga menjadi tabiat India pula. Dewan Negara sudah bersidang secara tergepar dan kita adakan bantahan, akhirnya beliau meminta maaf dengan tidak bersyarat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang manusia, saya terima permohonan maaf tanpa bersyarat, tetapi Parlimen patut mengadakan satu aturan peraturan tetap bahawa tidak ada sesiapa yang boleh menyentuh keutuhan Parlimen. Sebabnya, Ahli-ahli Parlimen ini adalah orang-orang yang telah bersumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua, dan akan memelihara dan meninggikan Perlembagaan dan maruah Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak menghangatkan perkara yang sudah hangat yang sekarang ini sudah mulai sejuk. Tetapi amalan ini tidak boleh berlaku pada masa yang akan datang. Kalau kita berkehendakkan perkara ini tidak akan berlaku pada masa akan datang satu peraturan, atau cara atau Akta perlu dibuat supaya semua rakyat negeri tahu maruah Parlimen yang ada dalam negara ini. Sebagai sebuah negara yang berfahaman demokrasi berparlimen adalah menjadi simbol kebebasan. Kita harap tiada orang yang menggunakan kebebasan ini dengan sewenang-wenangnya menuduh Parlimen ini sebagaimana dituduh pada masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut adat resam Melayu apabila seseorang telah minta maaf, merendahkan diri kerana kemaafan maka harus kita maafkan. Akan tetapi dalam masalah ini, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Dewan ini harus memaafkan kepada tubuh badan manusia yang bernama K. Thillainathan, Pengerusi M.T.U.C., Bahagian Pulau Pinang. Akan tetapi untuk menjaga maruah Dewan ini pada masa yang akan datang, Dewan ini perlu atau Kerajaan perlu mengadakan satu Akta untuk melindungi perkara ini supaya tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita tidak adakan satu peruntukan, satu Akta bagi melindungi masaalah ini, perkara ini akan berlaku lagi pada masa akan datang dan pada masa itu berlaku balik cerita sebagaimana yang kita sebut, akan berlaku lagi minta maaf kali yang kedua. Saya menyarankan kepada Kerajaan bukan untuk ini, untuk usul ini saya sedia menerimanya. Kerajaan harus mengadakan satu Akta pada masa yang akan datang bagi melindungi maruah Dewan ini dan tidak ada sebarang perkara yang boleh menyentuh ketinggian Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja saya bercakap dan saya merujuk semula bahawa perkara yang ini tidak akan berlaku dua kali lagi, supaya jangan berlaku dua kali, Kerajaan perlu mengadakan satu Akta melindungi kehormatan Dewan dan Parlimen.

3.54 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap juga di atas perkara ini oleh kerana saya bercakap ini pada masa mula-mula kejadian ini berlaku. Saya juga telah menengok apa yang telah ditulis dan telah berunding cara mana kita akan bertindak di atas perkara ini. Sebab bukan sahaja maruah saya seorang, bukan maruah Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini adalah maruah keseluruhan Dewan Negara, Dewan Rakyat, juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Inilah sebabnya kita mempertahankan perkara ini. Bukan kerana kita mempertahannya oleh kerana misalnya Raja Nong Chik hendak mempertahankan soal ini.

Kalau Parlimen sudah boleh dicaci begini dan kita dipandang sebagai anjing menyalak, bukan anjing menyalak sahaja, tetapi adalah "mad-dog", anjing gila, anjing tidak berakal, kalau anjing berakal, bolehlah difikirkan. Ini termasuk Tuan Yang di-Pertua, ketua anjing yang tidak berakal, Perdana Menteri pun anjing tidak berakal, segala-gala yang ada kita ini anjing yang tidak berakal. Ini yang dikeluarkan. Memanglah sudah dibuatnya silap, memanglah fikir: ini aku sudah buat silap, aku minta maaf. Saya tahu iaitu Timbalan Menteri yang membawa usul ini memang pandai berkenaan dengan ugama, saya tahu ia sabar orangnya, memang bagus, saya pun bersetuju sebagai orang Islam, kita

memaaf-maafkan orang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan berkenaan dengan gaji di sini, oleh kerana kita adalah orang-orang yang bertanggungjawab untuk negara. Orang yang bertanggungjawab kita fikirkan kalau tidak dibincangkan benar-benar atas perkara gaji ini, apa akan jadi kepada negara kita. Itulah sebabnya kita bincangkan hangat atas perkara ini dan sebagai orang di luar pula oleh kerana orang-orang ini sudah pilih kita, Ahli-ahli Dewan Rakyat sudah dipilih dan Dewan Negara ini pula dipilih oleh tiap-tiap negeri dan Yang di-Pertuan Agong telah melantik setengah daripada kita. Jadi ini jangkanya orang yang bercakap begitu sepatutnya sebelum ia bercakap, ia mesti berfikir betul-betul, habis-habis. Orang yang betul taat kepada negeri ini tidak bercakap begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya bersetuju apa yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak iaitu patut sekali Kerajaan atau Parlimen mengadakan satu undang-undang khas untuk ini supaya pada masa yang akan datang perkara ini tidak berlaku lagi. Saya minta ada barangkali tiap-tiap kita yang ada di sini meminta supaya walaupun kita tiada lagi di sini tetapi kita mestilah diperlindungi dan Parlimen di mana-mana negeri pun, di mana-mana sahaja diperlindungi waktu Ahli-ahli bercakap di dalam Parlimen. Dengan sebab itu, kalau saya bercakap di luar, itu lain fasal dan dia boleh sue saya di court, tetapi kalau dia bercakap di sini berkenaan gaji tiada kait mengait dengan seseorang, tidak ditujukan kepada individu, sepatutnya perkara ini tidak boleh dikatakan "mad or mindless dog".

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kesal betul-betul atas perkara ini. Tetapi apa boleh buat, sebab Kerajaan sendiri berkehendakkan dia dimaafkan. Orang ini dimaafkan oleh kerana surat dihantar kepada kita minta dimaafkan. Maka orang ini seperti yang dikehendaki itu, saya tidaklah apa-apa, saya bersetuju untuk dimaafkan, sungguhpun begitu satu undang-undang khas hendaklah diadakan supaya terpelihara semua sekali termasuk Yang di-Pertuan Agong sekali. Pada satu masa kelak kalau dia boleh buat begitu, boleh bercakap begitu, dia juga boleh bercakap bebas, suruh mansuhkan Jawatan Yang di-Pertuan Agong

itu, tidak mahu Yang di-Pertuan Agong lagi, sepertimana yang terjadi di negeri Jepun, mereka tidak mahu Tinohita lagi. Kalau mereka serupa inilah orang-orangnya yang memerintah 2/3 daripada Dewan ini, barangkali Raja-raja pun dia tidak mahu. Jadi dengan sebab itu, saya berharap sangat, ini harapan semua sekali supaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi hendaklah diadakan dan tidaklah hendak dipanjangkan. Saya bersetuju dengan apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan atas usul yang dikemukakan tadi.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan pendapat saya dalam usul ini iaitu saya masih tidak puas hati dengan pengesyoran yang dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah mengemukakan laporannya oleh kerana permintaan maaf yang dibuat oleh Pengerusi M.T.U.C. ini hanya kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, tidak dibuat sama kepada Tuan Speaker, Dewan Rakyat. Saya memandang perkara yang terlibat sekarang ini bukan hanya kepada Dewan Negara sahaja, sebab apa yang telah disiarkan dalam akhbar tuduhan ataupun cacian ini yang menyentuh kedua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat sama meliputi Parlimen; kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi apa yang kita dapati hari ini permohonan maaf ini hanya kepada Dewan Negara kita sahaja, seolah-olah Pengerusi M.T.U.C. ini masih lagi tidak meminta maaf kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mana mereka itu tersentuh sama.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Seperti yang telah saya kemukakan tadi bahawa surat daripada Encik Thillainathan ini telah meminta maaf bukan sahaja kepada Dewan Negara tetapi kedua-dua Dewan, Dewan Negara dan Dewan Rakyat melalui Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara dan dia telah meminta maaf.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini, Dewan Negara masih tidak mempunyai hak menyeluruh kepada Dewan Rakyat walaupun faham kita begitu.

Saya mencadangkan supaya perkara ini dirujuk juga kepada Dewan Rakyat ataupun sekurang-kurangnya ditujukan kepada Tuan Speaker Dewan Rakyat sama.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Untuk penjelasan sekali lagi supaya perbincangan ini tidak begitu panjang iaitu surat K. Thalainathan tadi dihantar kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara oleh kerana perkara ini berbangkit di Dewan Negara dan tidak berbangkit di Dewan Rakyat. Oleh kerana itu maka beliau menghantarkan surat minta maaf melalui Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara bukan sahaja kepada Ahli Dewan Negara tetapi juga meliputi Ahli Dewan Rakyat. Jadi di Dewan Rakyat tidak berbangkit masalah ini dan dengan kerana itu dia telah menghantarkan suratnya kepada Yang di-Pertua Dewan Negara kerana perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan Negara. Itu untuk penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Saya berterima kasih di atas penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kalau sudah memang benar begitu, saya boleh terima dan satu lagi masalah yang hendak saya bangkitkan, iaitu memandangkan kepada kandungan surat di perenggan akhir yang menyatakan bahawa beliau itu bersetuju jika permintaan maaf ini disiarkan dengan apa juga cara yang tuan fikirkan menasabah. Jadi saya rasa tidak cukup kalau hanya disiarkan melalui Lapuran Parlimen sebagai perbincangan yang berlaku pada hari ini. Saya rasa perlulah kenyataan meminta maaf ini disiarkan atas nama beliau sendiri kepada akhbar, kepada talivisyen, radio dan sebagainya supaya meliputi semua, jangan perkara ini telah disiarkan kepada akhbar dengan begitu sahaja, kemudian akhbar menyiarkan melalui Lapuran Parlimen kita sahaja. Ini tidak mencukupi. Saya rasa Pengerusi M.T.U.C. ini hendaklah menulis surat kepada akhbar-akhbar dengan tandatangan sendiri supaya melahirkan sebenar-benar permintaan maaf ini dilakukan oleh beliau. Inilah pandangan saya dalam masalah ini.

4.05 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas usul yang dikemukakan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan kadar seberapa ringkas yang boleh.

Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua khasnya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen yang telah mengambil perhatian berat dalam masalah ini. Yang kedua, saya menyokong atas pandangan rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin supaya Kerajaan mengkaji semula atau memikirkan sebuah Akta melindungi Parlimen patut diwujudkan dalam negeri ini. Dengan adanya Akta ini, bukanlah dengan keadaan sekarang Parlimen ini terdedah boleh diperkatakan oleh rakyat negeri ini dengan sewenang-wenang sebagaimana keadaan yang berlaku kepada Pengerusi Kesatuan di Pulau Pinang itu, atau juga rakyat-rakyat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Akta ini dapat dikuatkuasakan ianya akan memberi satu peruntukan dapat mendaulatkan kesucian Dewan ini dan dapat diberikan satu hak kebebasan kepada Parlimen ini dengan kadar yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan Pengerusi ini yang telah meminta maaf kepada Dewan ini dan juga Dewan Rakyat, saya rasa bahawa ini harus kita puji iaitu satu kesedaran daripada seorang rakyat Malaysia yang jujur dan ikhlas dan mahu mengakui kesilapan dan kesalahannya atas perbuatannya itu, bagi pihak kita sebaik-baiknya memberi kemaafan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah diperkatakan bahawa kemaafan ini tidak memadai dengan lapuran yang dibuat dalam sidang ini. Kami mengharapkan atas jasa baik Tuan Yang di-Pertua supaya pihak yang berkenaan ini juga melapurkan kemaafannya melalui siberan am, sebab Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini adalah tempat perbincangan rakyat dalam negeri ini dan dengan ini akan bersihlah diri manusia ini daripada mengotori Perlembagaan dengan perkataannya yang sewenang-wenang itu.

Dengan ini saya berikan sekali lagi sokongan atas usul ini.

4.10 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam Lapuran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut demokrasi berparlimen, kita mesti membenarkan seseorang warganegara Malaysia untuk membuat sesuatu pandangan atas satu-satu kelemahan kepada seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara atau seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri, ini mengikut secara demokrasi berparlimen. Oleh sebab sistem Kerajaan kita ialah untuk rakyat dan bagi rakyat. satu-satu kelemahan ini kita mesti memberi kewajipan kepada rakyat yang mereka memilih untuk menjaga rakyat dan negara. Tetapi kita tidak boleh membenarkan sesiapa pun untuk memandang bahawa keseluruhannya terserah kepada Parlimen seperti satu perkara yang dibentangkan di hadapan kita ini. Kita mesti mengambil perhatian yang amat berat pada bila-bila masa jika didapati sesiapa juga yang mengeluarkan sesuatu perkataan yang begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang penting saya ingin menarik perhatian Dewan ini iaitu sungguhpun perkara ini telah sampai ke peringkat seperti ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap dalam Dewan Negara serta Ahli-ahli Dewan Negara telah membincangkan dengan sedalam-dalamnya di mesyuarat Dewan Negara yang lalu, tetapi M.T.U.C. Malaysia keseluruhannya tidak mengambil satu tanggungjawab atas kata-kata atau pandangan rendah yang dikeluarkan oleh seorang pemimpin M.T.U.C. dari Pulau Pinang. Ini menunjukkan M.T.U.C. Malaysia tidak langsung mengadakan satu Code of Conduct, mereka telah membenarkan seorang pemimpin M.T.U.C. Pulau Pinang bercakap begitu rendah dan kita telah membawa perkara ini kepada Dewan Negara, suatu Dewan undangan yang tertinggi sekali dalam tanahair kita. Tetapi President M.T.U.C. atau lain-lain pemimpin M.T.U.C. Malaysia tidak mahu memberi apa-apa statement tentang perkara ini dan juga mereka tidak mengambil apa-apa tindakan atas Thillainathan berkenaan dengan perkara ini.

M.T.U.C. Malaysia patut mengadakan satu Code of Conduct kepada semua ahli-ahli trade unions iaitu mereka tidak boleh membawa satu-satu perkara seperti ini dan juga oleh sebab Thillainathan telah menulis sepucuk surat kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya sukacita minta Ahli-ahli Yang Berhormat menerima apology Thillainathan itu. Saya tidak tahu jika Thillainathan tidak membuat satu apology dan saya tidak tahu apa yang akan terjadi kepada diri Thillainathan. Saya berharap juga perkara seperti ini tidak akan terjadi pada bila-bila masa akan datang.

4.14 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dapat membuat laporan yang sempurna dan saya sedia juga memaafkan M.T.U.C. itu. Tetapi apa yang saya suka bercakap, ialah supaya perkara semacam ini jangan berlaku lagi pada masa-masa akan datang dan Kerajaan mesti memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara mestilah dihormati oleh Kerajaan maka barulah rakyat negara ini akan memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Senators. Pada masa ini rakyat tidak hormat langsung kepada Ahli-ahli Parlimen dan Senators, sebab Kerajaan sendiri tidak memberi penghormatan, itulah sebabnya rakyat berani memanggil Ahli Dewan Negara "barking dogs" dan bermacam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi contoh pada tahun 1974, saya telah dihantar untuk menghadiri persidangan Commonwealth Parliamentary Association di London selama 21 hari. What the British Government did to me? Apabila saya sampai di Lapanganterbang Heathrow, sudah sedia ada guide membawa saya melalui imigeresen, kastam dan sebagainya, begitulah penghormatan Kerajaan British pada Senator. They know because we are the law makers, begitu juga saya pergi ke Thailand, Hong kong serupa juga, pergi ke Singapura, pergi-balik tidak payah periksa, apabila ditunjukkan passport, mereka bertanya: Are you a Member of Parliament? Yes—tidak payah diperiksa. Tetapi apabila sampai di Kuala Lumpur, inilah yang mendukacitakan, di Lapanganterbang Subang, negara kita sendiri,

apabila kita tunjukkan Kad Parlimen—tidak laku—beg kita diselongkar. Jadi apa bezanya Ahli-ahli Parlimen dan Senators dengan rakyat biasa? Di Kuala Lumpur pula tiap-tiap kali saya meletakkan kereta, kena bayar: I am not a miser to pay but the Government must respect us as Members of Parliament and as Senators. Begitu juga kalau ada jemputan-jemputan Kerajaan tempat-tempat duduk Ahli-ahli Parlimen dan Senators letaknya pada kelas nombor tiga. Itulah sebabnya menjatuhkan imej Ahli-ahli Parlimen dan Senators, kerana Kerajaan sendiri tidak ada respect kepada kita. Begitu juga elaun. Gaji Major lebih besar daripada elaun Senator. Bagaimana rakyat hendak hormat kepada Ahli-ahli Parlimen, sebab Kerajaan sendiri tidak memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen. Dengan alasan-alasan ini, saya merayu kepada Kerajaan, tolonglah memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Senators. Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa ada orang yang bekerja siang-malam untuk rakyat, Tuhan tahu apa yang dibuat oleh Ahli Parlimen itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan saya dan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Abdul Razak tadi supaya Kerajaan membuat satu Undang-undang yang kita ada kuasa, kita bukan megah, we cannot be proud, God will punish us, tetapi kalau kita jadi Ahli Parlimen dan Senator, kalau Kerajaan tidak memberi penghormatan, the public will never respect you.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.18 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan penuh rasa kesal kerana Kerajaan sudah menerima permohonan daripada si pemohon itu.

Kedua, hendaklah di masa akan datang Dewan ini membuat suatu peraturan yang ketat dan berjalan dengan tegas sehingga tidak boleh dilakukan dengan bebas oleh sesiapa juga yang pura-pura membuat kesilapan.

Ketiga, saya sama sependapat dengan kawan-kawan supaya Yang di-Pertua M.T.U.C. Pulau Pinang sendiri membuat

siaran-siaran kepada semua akhbar-akhbar dan bukan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan mesti membuat siaran-siaran itu supaya Yang di-Pertua M.T.U.C. Pulau Pinang rasa mempunyai tanggungjawab dan kesedaran bahawa beliau telah membuat sesuatu tindakan, kemudian cuba hendak memohon kemaafan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, soal memohon maaf ini memang menjadi kewajiban terhadap kita manusia semasa manusia tidak terletak kepada sesuatu bangsa samada Arab atau India, tetapi adalah menjadi kewajiban dan soal kita hendak memaafkan siapa yang membuat salah itu, biarlah kena kepada pokok kesalahan yang dilakukan itu supaya jangan melakukan perkara-perkara yang melanggar kepada tatasusila kita, kita menerima kemaafan itu dengan semudahnya tetapi perkara yang betul-betul boleh kita maafkan tidak mahu kita maafkan.

Inilah sahaja pandangan saya yang pada mulanya saya tidak hendak bercakap, tetapi apabila perkara ini terbuka untuk kita membahaskan supaya dapatlah Dewan ini memandang pada masa yang akan datang penghormatan kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana kata sahabat-sahabat tadi, saya tidaklah juga hendak membuat tuduhan. Barangkali ada setengah-setengah pihak Jabatan-jabatan tidak memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, tetapi ada setengah-setengahnya memberi penghormatan. Itu terpulanglah kepada pandangan mata dan simpati di antara satu sama lain. Walaupun demikian, biarlah perkara yang demikian rupa ini mendapat penyelarasan dari semua Jabatan yang mengambil perhatian yang berat terhadap Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negara. Soal pemeriksaan saya juga banyak menerima sungutan sebagaimana kata sahabat saya tadi, tetapi saya tidaklah hendak membayangkan di sini kerana terkeluar daripada dasar yang kita bahaskan ini. Saya harap dapatlah Dewan ini memikirkan dan membuat lapuran kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

4.21 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong usul supaya Lapuran Yang Pertama Jawatankuasa Hak

dan Kebebasan ini diterima, saya suka menambah sedikit. Sungguhpun pernah dikatakan orang bahawa manusia itu tidak sunyi dari kesilapan yang tidak disengajakannya, kalau tidak salah ingatan, pengertian dan terlanjur kata di dalam perkara ini nampaknya tidak begitu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dalam dunia yang serba kekurangan ini terutama sekali dari segi pemikiran, marilah kita menimbangankan perkara ini dari segi kelemahan manusia. Yang demikian, janganlah kita mengecam atau mengutuknya lagi. Dewan yang mulia ini telah membuatkan beliau sedar tentang kata-kata buruk yang telah dilemparkannya dan telah sedar betapa seriusnya kata-katanya itu. Setiap seorang daripada kita di dalam Dewan yang mulia ini haruslah berfikir sekejap sebelum bertindak mengikut perasaan hati dan emosi dalam perkara ini. Memang benarlah seperti kata pepatah: Yang muda bercakap, yang tua mengajar (youth speaks; age teaches).

4.24 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian sedikit di dalam perbahasan ini. Kalau mengikutkan hati saya tidak memberi kemaafan, tetapi memandangkan kepada rayuan daripada Timbalan Menteri berkenaan dengan ketetapan ini bahawa seorang yang membuat kesalahan patut kita berikan kemaafan.

Tuan Yang di-Pertua, berlakunya perkara ini sebagaimana sahabat-sahabat saya telah menerangkan bagaimanakah pedih dan bagaimanakah pahit yang kita telan pada hari ini. Walau bagaimanapun, saya sebagai seorang rakyat yang taat setia kepada Kerajaan menyokong supaya kita memberi kemaafan, lain kali sesiapa sekalipun membuat perkara yang tidak patut atau membuat perkara yang difikirkan melanggar undang-undang dan peraturan Kerajaan Persekutuan janganlah sekali-kali kita lekas-lekas sangat mengambil keputusan memberi kemaafan. Jadi, saya berharap kepada Majlis yang berbahagia dan juga kepada Kerajaan, sebagaimana kata sahabat-sahabat saya tadi patut dibuat undang-undang supaya menghormati Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Saya juga telah biasa melihat kalau kereta Ahli-ahli Parlimen salah letak tidak sampai 15 minit kena denda, maka terpaksa Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat pergi berjumpa pula dengan polis membayar denda yang telah dikenakan. Sahabat-sahabat saya yang telah mengeluarkan ucapan-ucapan ini patutlah Kerajaan mengambil tindakan dan janganlah tinggalkan begitu sahaja walaupun sebagaimana kata sahabat saya barangkali ada juga Ahli-ahli Dewan ini mungkin sudah cukup masanya berhenti atau diberhentikan, maka janganlah Ahli-ahli Dewan yang akan datang terkena kata-kata nista sebagaimana yang telah kami alami. Jadi dengan itu, saya menyokong akan ketetapan yang telah dibuat oleh sahabat saya tadi walaupun saya katakan tadi kalau mengikut hati saya tidak mahu memaafkan walaupun saya seorang wanita.

4.27 ptg.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pandangan-pandangan dan hujjah-hujjah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan usul yang telah saya kemukakan ini.

Yang sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telah membahaskan perkara ini pada masa mengemukakan usul di mana terbitnya peminta maaf daripada orang yang berkenaan iaitu Encik K. Thillainathan. Adapun soal yang tidak berbangkit atau bersabit daripada usul ini, saya rasa tidaklah mustahak saya hendak menjawab. Sekalipun perkara itu adalah mustahak difikirkan oleh pihak Kerajaan seperti gaji ataupun kedudukan kita; seperti penghargaan yang dikemukakan ataupun diberikan kepada kita, tetapi saya suka menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penghargaan ini akan diberikan kepada kita manakala kita memberi harga kepada diri kita masing-masing. Sebab di dalam Dewan ini saya mendengar sebentar tadi Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga yang tidak memberikan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sehingga menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat itu "kawan" atau "teman" dan sebagainya. Dan "kawan" atau "teman" di dalam perjumpaan ataupun di Dewan yang seperti ini

adalah merupakan kalimat yang tidak memberi penghormatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mesti dipanggil "Ahli Yang Berhormat".

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua untuk penjelasan. Saya minta maaf, kerana saya yang sebutkan perkataan itu tadi.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja saya tujukan kepada Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir, tetapi ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah merendahkan mertabat kita sendiri. Oleh kerana itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mempertahankan kedudukan dan maruah kita, terutama sekali di dalam Dewan ini supaya orang lain menghormati kita, bukan oleh kerana wang kita sahaja banyak atau bintang kita berderet, tetapi maruah adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soal tindakan lanjut yang perlu diambil, saya rasa perkara ini akan diambil berat oleh pihak Kerajaan dan di mana juga perlu untuk memelihara kehormatan Dewan ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan demi memandangkan bahawa kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat, dan Dewan Negara atau Dewan Parlimen merupakan Majlis yang tertinggi sekali di dalam negara kita yang mesti diberi perlindungan. Usul yang dikemukakan di dalam Dewan ini kerana merendahkan maruah Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan dan tindakan yang telah kita buat merupakan bahawa kita sedar atas hak kita dan kita minta serta mengharap supaya perkara yang seperti ini tidak akan berlaku lagi. Atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Laporan Yang Pertama Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara yang telah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebagai Kertas No. DN 2 tahun 1977, diterima.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977) dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$94,195,072 bagi perkhidmatan tahun 1977 yang tidak diperuntukkan ataupun yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan, 1977.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$2,580,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus enam buah cawangan Pejabat Akauntan Negara yang baharu ditubuhkan di Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Trengganu, Kuantan dan Seremban; \$36 juta merupakan pinjaman kepada Negeri Kelantan (\$2 juta) dan kepada Negeri Sarawak (\$34 juta) untuk membiayai keperluan-keperluan belanja mengurus bagi kedua-dua buah Negeri tersebut dalam tahun 1976; \$3 juta dikehendaki sebagai pinjaman jangka pendek kepada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad bagi membiayai Projek-projek perumahannya dalam tahun 1977; \$50 juta untuk membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) mengisi semula stok-stok beras yang berkurangan berikutan dengan krisis beras dunia dalam tahun 1973 dan 1974 di mana L.P.N. telah menggunakan beras daripada stokpail untuk membantu bekalan beras dalam negeri. Beras dalam stokpail telah berkurangan sehingga ke paras 17,972 metric ton berbanding dengan sekurang-kurangnya 120,000 metric ton yang dihadkan oleh Kerajaan untuk simpanan. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.35 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baharu sebentar tadi, dan beliau telah meminta Ahli-ahli Yang Berhormat menengok dan merujuk atas perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang dikehendaki itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar menarik perhatian dalam masalah Lembaga Padi dan Beras Negara yang meminta peruntukan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk membeli beras menampung kekurangan dalam stok beras L.P.N. dengan sebab waktu kita kekurangan beras dalam negeri ini stok beras dalam stockpile L.P.N. itu telah kita gunakan dengan begitu banyak. Saya cuma hendak mengingatkan Kerajaan khususnya Lembaga ini bahawa rakyat negeri ini akan berasa kurang senang hati dengan keadaan kekurangan beras yang begitu menjunam kiranya kekurangan beras ini berlanjutan, maka stok beras dalam negeri kita ini akan kering. Jadi, saya mengharapakan di masa yang akan datang bagi pihak Lembaga ini hendaklah sentiasa mengambil tindakan dengan seberapa cepat yang boleh untuk mengisikan kekurangan ini dan beras yang diisikan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga kurang faham samada beras yang dibeli daripada luar negeri ataupun beras tempatan. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sentiasa mengharapakan beras daripada luar negeri yang distok oleh L.P.N. telah menjadi sungutan rakyat iaitu akhirnya beras itu kurang baik dan tidak bermutu. Kalau beras itu juga beras daripada tempatan saya mengharapakan Lembaga ini dari satu masa ke satu masa mengkaji bahawa beras ini patut ditukar ganti daripada setahun ke setahun, sebab kalau kita simpan beras itu dengan begitu lama, maka kemusnahan beras ini akan berlaku tatkala itu baharulah kita hendak edarkan kepada rakyat dalam negeri ini.

Selain daripada itu, L.P.N. ini hendaklah benar-benar bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, khususnya Jabatan Pertanian untuk mencukupi beras-beras yang dikehendaki

oleh negara, sebab kalau keadaan ini dibiarkan sebagaimana yang ada sekarang walaupun ada tindakan-tindakan hendak membanyakkan beras dalam negeri ini tetapi pada kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, bila berlaku bencana alam maka negeri ini juga berlaku kekurangan beras. Jadi, perkara ini saya harap Kementerian yang berkenaan supaya mengambil ingatan yang begitu serius berhubung dengan beras yang kita simpan dalam stockpile dalam negara kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Kertas Perintah 18 tahun 1977 mengenai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah meminta peruntukan sebanyak \$517,237 adalah dikehendaki untuk membeli beberapa alat-alat yang tertentu bagi operasi membersihkan tumpahan minyak akibat daripada pelanggaran di antara kapal di Selat Melaka.

Masaalah ini, saya mengharapkan supaya Kerajaan dapat memikirkan selalu sahaja kita minta wang kerana membersihkan kekotoran pelanggaran kapal ini daripada Perbendaharaan kita adalah lebih baik Kerajaan memikirkan bahawa Lembaga Tol patut diadakan di kawasan Selat Melaka boleh kita selang dengan tiga buah Kerajaan—Malaysia, Singapura dan Indonesia. Sebab dengan hasil tol, kapal-kapal yang melalui kawasan Selat Melaka ini dapat kita kutip boleh membiayai untuk kebersihan bila berlaku kecemaran di Selat Melaka ini dengan pelanggaran kapal dan boleh juga kita memberikan bantu sedikit-sebanyaknya kepada nelayan-nelayan kita yang terlibat nafkahnya berhubung dengan kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kepala B. 49 Kementerian Undang-undang telah meminta wang sebanyak \$100,000 sebagai sumbangan tahun 1977 kepada Persatuan Mencegah Salahguna Dadah (PEMADAM). Menurut hemah saya bahawa peruntukan yang sebanyak ini tidak sesuai benar diberikan kepada PEMADAM ini sebab kita melihat kegiatan mereka bertambah baik dengan tujuan dapat memulihkan penagih-penagih dadah kita dalam negeri ini yang sangat berkembang dari semasa ke semasa. Saya mengharapkan satu ketika Kementerian Kewangan ini akan memberikan satu peruntukan wang sebanyak \$1 million kepada PEMADAM ini. Dengan keadaan ini barulah PEMADAM ini dapat bergerak dengan baik dan cergas dari semasa ke semasa

walaupun kita tengok badan ini telah berikhtiar mencari kewangan daripada sumber-sumber yang lain tetapi pihak Kerajaan saya fikir adalah bertanggungjawab untuk membiayai persatuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya hendak menarik perhatian dalam Jabatan Perdana Menteri iaitu berhubung dengan satu peruntukan yang diminta sebanyak \$282,000 adalah dikehendaki bagi membekalkan 50,000 buah Pingat Perkhidmatan Awam yang akan dikurniakan kepada ahli-ahli Angkatan Tentera, Polis dan Anggota Pasukan Penjara kerana mengenangkan jasa-jasa mereka terhadap negara. Peruntukan ini saya nampak adalah satu peruntukan yang saya kira besar tetapi memandangkan penghargaan anggota Polis dan Tentera kita sesuai sangatlah kita berikan kurniaan terhadap jasa-jasanya. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini saya berikan satu pandangan yang luas dalam masaalah peruntukan Pingat-pingat Perkhidmatan Awam ini mungkin termasuk Bintang-bintang. Saya harap supaya usaha ini di selaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sebab kadangkala ada bercanggah di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam masaalah kurniaan pingat-pingat ini. Dengan keadaan dalam diselaraskan itu saya percaya dan yakin bahawa perkara ini akan merengankan bagi pihak kedua-dua Kerajaan samada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan dalam masaalah pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak \$50 juta telah dikehendaki dalam tahun 1977 membiayai perbelanjaan yang tersebut. Peruntukan ini memanglah telah kita bahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan Negeri itu dengan usaha membuat projek-projek pembangunan seperti bekalan air, perumahan awam dan juga pembangunan kawasan perindustrian dan lain-lain projek pembangunan yang ada ditetapkan dalam Majlis Kewangan Negara dari semasa ke semasa. Saya cuma hendak membangkitkan dalam masaalah pemberian wang \$50 juta kepada negeri ini. Saya nampak walaupun peruntukan ini kita berikan kepada negeri-negeri itu dalam masaalah projek-projek yang telah saya katakan tadi pihak rakyat dalam negeri itu saban masa bersungut dalam masaalah kekurangan bekalan air. Saya harap perkara ini dengan

kerjasama Kerajaan Pusat dan Kementerian yang berkenaan supaya dapat diredakan sungutan-sungutan rakyat, jeritan-jeritan rakyat dalam masalah perbekalan air terutama sekali dalam musim kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan kawasan perindustrian saya suka sentuh barangkali Kementerian yang berkenaan ada di sini, satu kawasan telah digezetkan kerana kawasan perindustrian perkilangan dalam daerah Segamat yang hendak dibuat seluas 100 ekar tetapi sampai bertahun-tahun kawasan ini belum dibangunkan lagi. Saya yakin dan percaya bahawa dengan pandangan dan nasihat Kerajaan Pusat perkara-perkara yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri itu akan dapat disempurnakan.

Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya boleh menyentuh Anggaran Pembangunan

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Jikalau tidak boleh, tak apalah.

Ada satu perkara lagi saya ingat belum disentuh iaitu dalam masaalah peruntukan tambahan sebanyak \$811,331 adalah dikehendaki bagi tahun 1977 bagi membolehkan Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan menambah kegiatan ke kawasan-kawasan bandar. Dalam masaalah perancang keluarga ini, muka surat 6 Kertas Perintah 18 Tahun 1977—kalau tidak ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kepala apa yang dibincangkan. Yang ini semua B. 8.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri yang termasuk di dalamnya perancang keluarga. Kalau perkara ini tidak menyalahi, saya hendak kemukakan hujjah saya dalam hal ini. Peruntukan yang diminta sebanyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang telah menjadi heboh rakyat dalam negeri ini supaya Lembaga ini dapat mengkaji semula dalam usaha melancarkan perancangan keluarga dalam negeri ini dan peruntukan wang yang diminta ini dikhas kepada kawasan-kawasan bandar tetapi di bandar

menurut hemah saya banyak kemudahan-kemudahan daripada jabatan-jabatan kesihatan swasta yang boleh diperolehi oleh penduduk-penduduk bandar ini dan keupayaan orang-orang di bandar adalah lebih daripada luar bandar. Dengan keadaan macam ini walaupun dia tidak meninggalkan usahanya dalam kegiatan luar bandar tetapi peruntukan yang diminta ini terkhas kerana kawasan bandar. Jadi saya nampak Kementerian Kewangan ini melebihi keutamaan kewangan ini kepada bandar, tidak di luar bandar. Dalam perkara yang begini saya harap di masa akan datang supaya dapat diperhatikan peruntukan kewangan ini supaya diseimbangkan antara bandar dengan luar bandar.

Saya fikir setakat itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

4.50 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi sebelum saya menyokong penuh, saya hendak bercakap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik sangat berkenaan dengan perumahan yang akan dibina dan diminta supaya dikehendaki tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.51 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.17 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.18 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi sebelum saya menyokong, saya hendak bercakap sedikit sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Kepala P. 12 Perbendaharaan, iaitu pemberian tambahan hasil Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri—Peruntukan Anggaran Tambahan dikehendaki \$50 million.

Di sini kita tahu apa tujuan-tujuannya. Tujuan-tujuannya iaitu projek-projek pembangunan seperti perbekalan air, perumahan awam

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Kepala P. 12 tiada di dalam ini. Kepala B sahaja.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tujuan-tujuan yang dikehendaki, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kepala 13 tiada di dalam peruntukan itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ini berkenaan dengan peruntukan pada tiap-tiap negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi yang dikehendaki Kepala mana?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kepala 12.

Puan Rafidah Aziz: Bolehkah saya terangkan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kepala B. 8?

Puan Rafidah Aziz: Ya. Kepala-kepala B. 8, B. 18, B. 32, B. 33, B. 37, B. 49, B. 53 dan B. 65 sahaja.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada peruntukan-peruntukan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri, Kerajaan mestilah menengokkan supaya peruntukan-peruntukan ini betul dapat kebaikan terutama sekali kepada orang-orang kampung kerana kebanyakan daripada peruntukan-peruntukan ini dibelanjakan untuk bandar-bandar. Cuba kita tengok kampung-kampung kita; jikalau kita tengok kampung-kampung kita, kalau kita pergi ke Negeri Sembilan ataupun di ulu-ulu di Negeri Selangor kita dapati rumah-rumah yang berdinging atap, berlantai buluh atau berdinging buluh lagi. Dengan sebab itu, diminta kepada Kerajaan pada masa akan datang supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang diberi kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri hendaklah diutamakan sangat-sangat kepada

rancangan-rancangan perumahan, bukan rancangan perumahan yang dibuat oleh Kerajaan seperti sekarang iaitu rumah berderet tetapi adalah dikehendaki rancangan untuk memperbaiki rumah-rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini dikehendaki juga sebanyak \$3 juta untuk Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Berhad. Kebanyakan daripada rumah-rumah yang didirikan oleh Kerajaan untuk pegawai-pegawainya, kebanyakannya pegawai-pegawai yang mendapat rumah yang kita nampak di Damansara Heights, rumah-rumah yang \$120,000. Rumah-rumah yang \$120,000 ini, kalau tidak Division I saya ingat payah untuk menduduki rumah itu. Division I pun kalau misalnya mendapat gaji \$2,000 sebulan, bayar ansuran \$1,500 sebulan atau \$1,000 sebulan selama 15 tahun, cuma tinggal \$1,000 sahaja yang dapat dia makan. Di situlah hendak beli motokar, di situlah hendak makan dan lain-lain lagi. Maka di sini kita adalah menggalakkan korupsi. Apa sebabnya saya kata menggalakkan korupsi? Kalau misalnya pegawai-pegawai Kerajaan berkehendakkan rumah begini tentulah hendak membayar, kalau tidak dapat dibayar rumah itu akan dirampas ataupun dibuat apa sahaja. Dengan sebab itu, Kerajaan mestilah menengokkan rumah-rumah yang dibuat ini mestilah betul-betul padan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya suka pegawai-pegawai kita hendak duduk di rumah yang besar-besar tetapi jangan nanti merosakkan negara, kerana kadang-kadang tidak padan. Bukan saya kata tidak boleh, kadang-kadang tidak padan dengan pendapatan. Inilah yang pihak Perbendaharaan mesti memberitahu kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang memegang perkara ini. Saya percaya bukan kerana pegawai-pegawai ini berkehendakkan rumah-rumah ini tetapi ini telah dirancangan mesti beli. Ini tidak diawasi, Kerajaan Persekutuan barangkali tidak mengawasi cara ini. Buat rancangan melulu begitu sahaja, dibeli tanah-tanah di Damansara Heights yang begitu mahal dengan harga \$3-\$4 sekaki.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, kita berkehendakkan rumah-rumah murah untuk pegawai-pegawai Division III, Division IV, alangkan Division III jikalau rumah berderet dua tingkat itu sahaja sekarang berharga hampir \$70,000; pegawai Division III hendak duduk di rumah yang berharga

\$70,000 bagaimana? Untuk pegawai Division IV bukan ada yang didirikan oleh Kerajaan, saya ingat jarang sekali ada rumah yang berharga \$8,000 atau \$12,000. Orang ini tidak mampu. Itu sebabnya pada hari ini orang miskin tidak ada rumah. Pegawai yang di bawah tidak ada langsung rumah. Jadi ini rancangan-rancangan bagaimana? Sekarang di dalam Rancangan Lima Tahun Ketiga ini kita berkehendakkan betul-betul supaya seboleh-bolehnya memberi satisfaction kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Dengan sebab itu, saya harap peruntukan yang diberi sebanyak \$3 juta ini hendaklah dibelanjakan kepada pegawai-pegawai Division I, maka pada masa yang akan datang kita bantulah berapa banyak Division I, kita banci berapa banyak Division II, berapa banyak Division III, berapa banyak pegawai Kerajaan yang menyapu longkang, yang mengutip sampah. Tentulah ini yang banyak sekali berbanding dengan Division I. Apa sebabnya banyak sangat yang di atas sahaja yang didirikan rumah-rumah ini? Maka itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat rancangan ini tidak begitu adil. Saya berani berkata begitu dengan apa yang saya kata tadi. Itu sebabnya pegawai-pegawai yang rendah ini marah. Saya harap perkara ini hendaklah dibaiki kerana ini adalah untuk kebaikan ramai.

Selain daripada itu, berkenaan dengan \$50 juta juga untuk L.P.N. ini memanglah saya memberi sokongan yang penuh oleh kerana pada masa dahulu jikalau kekurangan beras, stockpilenya mestilah ada di tiap-tiap negeri oleh kerana makanan kita adalah beras, maka stockpile mestilah ada. Kerajaan bersedia bukan sahaja untuk bah tetapi mana tahu jikalau timbul keadaan-keadaan yang tidak mengizinkan seperti keadaan negara dalam peperangan, dalam huru-hara, bah, gempa bumi dan lain-lainnya. Maka dengan kerana itu kita terpaksa ada simpanan beras. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, jangan pada satu masa kelak jikalau kita tidak ada simpanan terjadi macam dahulu lagi iaitu black market beras. Orang melarikan beras daripada negeri Siam ke mari, orang menyorokkan beras, rakyat tidak ada makanan, susah hendak membeli beras akhirnya pemberontakan akan timbul.

Dengan sebab itu, saya menyokong di atas perkara ini supaya stockpile beras ini dijalankan dengan betul-betul, adakan stockpile yang banyak supaya di masa akan datang sekiranya ada apa-apa hal Kerajaan dapatlah menengokkan perkara ini.

Berkenaan dengan pingat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi iaitu peruntukan sebanyak \$280,000 itu untuk membekalkan 50,000 pingat, saya harap pingat-pingat ini janganlah sekali-kali diberi kepada England lagi kerana pingat-pingat pada masa dahulu kebanyakannya dibeli dari England. Di negeri kita pun boleh buat pingat-pingat, kalau kita hendakkan pingat emas pun boleh dibuat di sini dan tidak payah beli pingat ini dari England. Biarlah warganegara negeri ini yang membuatnya dan Kerajaan dapat membeli di sini serta keuntungannya dapat diperolehi oleh orang-orang di dalam negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidaklah ada apa-apa lagi saya hendak sentuh kerana perkara-perkara ini telah dicakapkan dan saya minta kepada Kerajaan apa yang saya katakan tadi iaitu berkenaan dengan perumahan pegawai Kerajaan ini hendaklah difikirkan dengan sedalam-dalamnya supaya jangan ahli-ahli Lembaga ini terdiri daripada orang-orang atasan sahaja, tetapi mestilah terdiri daripada orang-orang yang di bawah juga supaya orang bawah ini dapat menyuarakan kehendak-kehendak mereka. Pada hari ini saya yakin dan percaya Ahli-ahli Lembaga Perumahan Kerajaan ini yang terdiri daripada orang atasan belaka dengan sebab itu suara rakyat di sebelah bawah atau pegawai Kerajaan di sebelah bawah ini tidak langsung didengar. Itulah sebabnya maka jalannya tempang sedikit.

5.33 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian di dalam Kepala B. 37—Kementerian Perusahaan Awam. Di sini saya hendak menyentuh berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Di dalam peruntukan untuk simpanan stockpail bagi

beras di negara ini memanglah ini satu perkara yang sangat-sangat diperlukan kerana perkara ini pada masa dahulu telahpun berlaku kekurangan beras di negara kita, dan di atas kebijaksanaan Kementerian ini khasnya Lembaga Padi dan Beras Negara maka perkara ini dapat diatasi. Baru-baru ini juga kita tahu bahawa keadaan pengeluaran beras di negara kita terutama sekali di Negeri Kedah dan Perlis pada masa sekarang boleh dikatakan kekeringan dan sudah tentulah keadaan yang berlaku ini akan menimbulkan kekurangan beras. Dengan kerana itu apa yang disediakan oleh Kerajaan adalah tersangat baik untuk penyimpanan ini. Tetapi apa yang saya suka menarik perhatian di sini iaitu berkenaan dengan penyimpanan-penyimpanan padi dan beras ini terutama sekali apa yang kita tahu di atas kekurangan dan kekeringan dan kadang-kadang di masa air bah selain daripada membinasakan padi-padi yang diusahakan, kadang-kadang juga di dalam penyimpanan Lembaga Padi dan Beras Negara kita juga terdapat kerosakan yang sebegitu banyak sebagaimana yang telah berlaku pada tahun-tahun yang lalu. Di dalam masaalah ini kita berharaplah pihak Lembaga Padi dan Beras Negara akan mengambil perhatian yang berat di atas perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kedah dan Perlis ini manakala menemui rakyat atau penduduk-penduduk di Negeri Perlis dan Kedah, maka selalulah mereka membangkitkan satu perkara iaitu berkenaan dengan harga padi dan beras, khasnya bagi harga padi yang mana boleh dikatakan harga padi ini telah ditetapkan tidak akan dinaikkan harganya oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Jadi dengan adanya lawatan Yang Berhormat Menteri-menteri dan pihak-pihak yang berkenaan ke Negeri Perlis khasnya, maka rungutan-rungutan ini dan soalan ini selalu berbangkit. Kita berharap pihak Lembaga Padi dan Beras Negara dapat menimbangkan supaya seimbang agar harga-harga padi dapat dinaikkan setakat yang berpatutan. Walaupun kenyataan itu telah dikeluarkan tetapi kita rasa untuk menimbangkan semua apa yang membimbangkan kepada pihak Lembaga Padi dan Beras Negara iaitu takut kalau harga beras ini akan dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu baru-baru ini kita ada mengeluarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu berkenaan kenaikan gaji-gaji, maka kita rasa kebimbangan juga akan berlaku di atas kenaikan harga barang-barang. Tetapi atas kebijaksanaan Kerajaan kita yang ada pada hari ini maka perkara-perkara itu dapat dikawal dan saya percaya harga padi ini juga akan dikawal oleh Kerajaan seimbang dengan harga padi dan beras dan saya juga percaya Kerajaan akan dapat menimbangkan kenaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan beras lelong atau beras jualan yang ditangkap oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara yang telahpun dibuat tender kepada pihak-pihak yang berkenaan, kerap kali beras ini kurang jagaan dan selalunya terdapat beras yang lama disimpan. Dalam perkara ini juga kita berharap pihak Lembaga Padi dan Beras Negara akan dapat menyimpan atau dengan secepat mungkin dapat dilelong beras-beras ini supaya tidak menjadi satu perkara berbangkit di antara pihak yang menangkap lelong tadi kerana kadang-kadang tidak dapat melihat dengan sepenuhnya keadaan barang-barang lelong ini hanya dapat dilihat di luar sahaja. Selalunya beras lelong ini terlampau busuk dan keadaan itu merugikan terutama sekali berkesan kepada penangkap-penangkap lelong yang terdiri daripada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukalah saya menyentuh sedikit mengenai Kementerian Perusahaan Awam ini kerana dalam Kementerian ini ada beberapa badan-badan berkanun yang berkait dengan perkara ini seperti MARA, UDA dan lain-lain. Bolehkah disentuh?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payah disentuh.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu berkenaan dengan beras-beras yang telahpun dibeli oleh negara terutama sekali daripada Thailand yang mana banyak beras-beras ini dijual kepada pemborong-pemborong beras. Jadi di dalam soal pembelian dan penjualan beras juga kerap kali terdapat beras-beras yang kurang baik mutunya yang telah disimpan lama, maka selalu kita terdapat beras-beras

ini berlainan daripada apa yang dikehendaki oleh pihak pembeli-pembeli. Keadaan ini kita berharap bagi pihak L.P.N. akan dapat mengawasi di dalam masaalah ini. Begitu juga pemborong-pemborong beras bumiputra ini masih lagi berkehendak di dalam penjagaan ini maka kita berharap pihak L.P.N. akan dapat memberikan peruntukan-peruntukan yang lebih kepada bumiputra untuk mendapatkan quota-quota membeli beras lebih daripada yang terdapat pada hari ini, kerana pembelian yang dapat dibeli pada hari ini oleh pemborong-pemborong adalah terhad sahaja. Jadi kita berharap perkara ini akan dapat juga diberi khasnya kepada bumiputra membeli lebih daripada had yang ditentukan oleh L.P.N. itu daripada yang ada sekarang ini.

5.41 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang menyokong Bil yang sedang kita bahaskan sekarang ini. Sebelum saya memberi sokongan sepenuhnya, sukalah saya membangkitkan satu dua masaalah yang berkaitan dengan Pecahan-pecahan Kepala yang ditentukan di dalam Bil ini.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kepala B. 8 Jabatan Perdana Menteri yang mana suatu peruntukan sebanyak \$282,000 yang dikehendaki bagi membekalkan 50,000 buah "Pingat Perkhidmatan Am" yang akan dikurniakan kepada Ahli-ahli Angkatan Tentera, Polis dan Anggota-anggota Pasukan Penjara kerana mengenangkan jasa mereka itu. Maka sukalah saya membangkitkan bahawa jasa-jasa mereka ini memang tidak dapat dinafikan dan pingat-pingat yang akan diberikan itu adalah wajar. Akan tetapi, saya hendak menambah selain daripada pingat ini kemudahan-kemudahan kepada anggota-anggota tentera, polis dan sebagainya yang sentiasa mempertahankan keselamatan negara kita ini perlulah diberi perhatian yang segera oleh pihak Kerajaan.

Saya tidaklah menafikan bahawa selama ini Kerajaan telah memberi kemudahan-kemudahan, tetapi saya menggesa supaya perhatian itu diutamakan. Kalau kita memandangkan kepada kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan kita yang lain telah diberi perhatian dan sebahagian

besar telah mendapat peruntukan-peruntukan yang lebih dengan kenaikan gaji maka amatlah menasabah sekali kalau kita mempercepatkan kenaikan gaji mereka dan kita menambah lagi hadiah-hadiah kepada mereka yang menerima akibat pengorbanan cacat dan sebagainya dalam mempertahankan tanahair kita. Jadi masaalah ini perlu diberi perhatian yang lebih wajar lagi. Sebab kita memandang keadaan negara kita sekarang ini terutamanya di perbatasan negeri kita dengan negara jiran kita yang mana gerakan-gerakan keselamatan sedang dilancarkan sehingga kepada di luar perbatasan negara kita sendiri, angkatan bersenjata kita sanggup berjuang sehingga menemui beberapa kesulitan-kesulitan dan masaalah ini perlu diberi perhatian. Saya tidak hendak menyentuh banyak di dalam masaalah ini cuma menarik perhatian supaya diberi perhatian yang lebih wajar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada peruntukan tambahan yang menghendaki \$131,000

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila sebut Pecahan-kepala berapa.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Muka 7.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pecahan-kepala?

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Kepala B. 8 juga—Jabatan Perdana Menteri. Pecahan-kepala 3300 tambahan sebanyak \$131,000 di muka 7 Kertas Perintah 18. (i) \$30,000 di bawah "emolumen" bagi pembayaran elaun-elaun serta caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ii) \$101,000 bagi menampung perbelanjaan lawatan-lawatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat ke balai-balai bomba serta lawatan ke bangunan-bangunan besar pembekalan pakaian seragam kepada kakitangan; kursus asas selama 6 bulan dan pembelian perabot dan kelengkapan pejabat. Saya sukalah menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam tugas Perkhidmatan Bomba yang mana dikehendaki dalam Bil kita ini, Perkhidmatan Bomba ini telah kerap kali dibangkitkan di dalam Dewan ini, terutamanya dalam menghadapi masaalah-masaalah

kebakaran. Makin banyak bangunan tinggi, makin sukar dan makin banyak beban dan tanggungjawab Perkhidmatan Bomba ini diletakkan di bahu mereka.

Bagi saya \$101,000 ini bukan besar peruntukan yang diberi pertambahan. Kalau boleh, peruntukan ini pada masa hadapan dilipatgandakan lagi supaya khidmat bomba kita dapat dipertingkatkan sesuai dengan pembangunan negara kita sekarang ini.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Sebenarnya \$101,000 ini telah dibelanjakan oleh Perkhidmatan Bomba untuk tujuan-tujuan itu. Ini hanya mengambil balik wang itu kerana telah digunakan tahun lalu daripada Kumpulanwang Luar Jangka. Jadi, pada masa hadapan kalau banyak yang dibelanjakan maka Anggaran Belanja Mengurus Tambahan mungkin lebih besar daripada ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan ini bukan hendak berbalik ke belakang, tetapi ialah untuk menarik perhatian pada masa hadapan supaya peruntukan diberi lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Pecahan Kepala B. 37

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam Pecahan-kepala berapa?

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Kementerian Perusahaan Awam, peruntukan tambahan yang dikehendaki \$50 juta. Masalah L.P.N., Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan masalah ini. Kalau saudara saya dari Kedah dan Perlis menyatakan di sana banyak menghasilkan beras yang boleh menolong stockpile L.P.N. bagi menjamin rakyat Malaysia ini tidak kelaparan, maka saya rasa Kelantan tidak kurang dengan Perairan Kemubu dan sebagainya. Jadi masalah ini suka saya hendak bangkitkan stockpile yang dimaksudkan ini ialah berpunca daripada samada penghasilan beras negara kita sendiri bertambah ataupun impot beras dari luar negeri kita ini dilipatgandakan, barulah stockpile itu dapat dipenuhi kembali. Kalau kedua-dua punca ini tidak dapat dihasilkan maka sudah tentu stockpile yang dimaksudkan dengan peruntukan ini kepada L.P.N. tidak akan dapat dihasilkan. Jadi sukalah saya menarik perhatian supaya

pihak Kerajaan dapat membuat suatu analisa atau pengkajian bagaimana penghasilan beras negara kita ini hendak dilipatgandakan supaya jangan kita bergantung kepada impot beras dari luar negeri kita semata-mata.

Berkait dengan masalah ini, ianya hendaklah diberi galakan kepada petani-petani kita supaya suka mengusahakan tanaman padi. Satu daripada cara menggalakkan mereka sebagaimana saudara saya menyebutkan tadi Kerajaan sepatutnya menimbang harga padi yang sesuai bagi menggalakkan petani-petani ini berusaha supaya bendang mereka jangan ditinggal terbiar oleh kerana mereka tidak dapat faedah yang berpatutan yang mana berpunca daripada kenaikan harga alat-alat jentera, kenaikan harga baja, racun serangga dan sebagainya dan juga kenaikan upah bekerja di sawah pun telah naik akibat daripada kenaikan gaji, akibat daripada kenaikan harga barang-barang keperluan hidup sehari-hari maka perbelanjaan untuk menghasilkan padi di bendang-bendang itu pun ikut sama melambung tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saranan saya supaya pihak Kerajaan membuat satu analisa yang mendalam dalam masalah ini supaya petani-petani kita tidak meninggalkan bendang mereka, bertumpu ke bandar, bertumpu ke kilang, umpamanya, meninggalkan bendang kosong. Jadi perlulah dibuat analisa sesuai dengan kadar inflasi yang telah naik selama ini supaya padi mereka dapat harga yang berpatutan.

Saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji kemungkinan mengadakan satu sistem pembelian padi oleh L.P.N. L.P.N. membeli padi dengan harga agak sedikit tinggi dengan sumbangan wang daripada Kerajaan dan memproses padi ini menjadikan beras dan menjual beras-beras ini dengan harga yang berpatutan. Kalau perlu diberikan subsidi melalui L.P.N., bukan diberi subsidi kepada petani. L.P.N. membeli padi daripada petani-petani dengan harga yang agak tinggi sesuai dengan perbelanjaan mengeluarkan padi (cost of production) mereka yang telah tinggi, L.P.N. beli padi dengan harga yang tinggi sedikit bukan tinggi benar, tinggi sedikit sekira-kira dapat memberi keuntungan kepada petani-petani kita yang bertungkus lumus. Kalau Kerajaan mengadakan perairan sampai mereka bertanam dua kali setahun mungkin sedikit hari lagi kita akan menggalakkan

petani-petani ini bertanam dua tahun lima kali ataupun tiga tahun sekali maka biarlah mereka mendapat keuntungan sesuai dengan tenaga mereka bertambah, modal mereka bertambah, L.P.N. membeli padi lebih tinggi sedikit daripada petani-petani ini. Kalau Kerajaan menghendaki supaya harga beras untuk kepentingan rakyat seluruh Malaysia ini membeli beras dengan harga tidak begitu tinggi, berilah subsidi melalui L.P.N. Subsidi bukan diberi kepada orang perseorangan tetapi melalui L.P.N. supaya rakyat negara ini tidak terpaksa membeli beras mahal tetapi petani tidak teraniaya, tidak ditekan menjual padi mereka dengan harga murah. Inilah suatu analisa yang perlu dibuat, dikaji oleh pihak Kerajaan supaya nasib petani kita ini dibela oleh pihak Kerajaan dan nasib rakyat seluruh yang memerlukan beras pun tidak tertekan dengan inflasi kenaikan harga beras.

Tuan Yang di-Pertua, inilah suatu masalah kalau Kerajaan benar-benar hendak menolong petani selain daripada nelayan yang sudah mempunyai banyak rancangan-rancangan dan hasilnya kita harapkan akan memberi faedah kepada golongan miskin sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru kita hendak memperimbangan perbezaan ekonomi yang begitu jauh keadaannya sekarang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini dengan memberi pandangan-pandangan di atas dan sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih.

5.56 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ingin menyatakan dua tiga perkara yang barangkali ada disentuh oleh sahabat-sahabat saya, tetapi perlulah saya tambah-tambah sedikit.

Saya ingin menyentuh, yang pertama Kepala B. 33 mengenai pinjaman sebanyak \$36 juta. Di sini ada disebutkan peruntukan \$36 juta iaitu \$2 juta untuk Negeri Kelantan dan \$24 juta untuk Negeri Sarawak. Oleh sebab saya datang dari Melaka, Negeri Melaka tidak tersebut di sini, barangkali orang Melaka tidak minta, tetapi eloklah saya ingatkan bahawa Negeri Melaka itu negeri yang kecil dan tanahnya kurang, rakyatnya telah bertambah ramai. Jika

sekiranya ada permohonan dari Melaka meminta pinjaman, saya harap mendapat layanan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh Kepala B. 8 mengenai peruntukan tambahan sebanyak \$92,000 untuk melengkapkan Rumah Peranginan Persekutuan di Morib. Di sini saya ingin mengingatkan apabila Kerajaan mendirikan rumah dan membuat rumah-rumah peranginan dan pejabat-pejabat Kerajaan perlulah dihiaskan di dalam rumah-rumah Kerajaan ini dengan hiasan-hiasan yang berbentuk Malaysia. Sepanjang yang kita tahu kadang-kadang bila Kerajaan menghiaskan rumah-rumah Kerajaan ini dibelilah gambar-gambar Gunung Alpine misalnya, gambar dari Australia. Jadi bila orang masuk ke rumah itu seolah-olah dia berada di Australia. Alangkah baiknya kalau kita ambil gambar tepi laut yang indah di Negeri Kelantan ataupun dekorasi, hiasan-hiasan dalam rumah itu dimasukkan ukiran-ukiran kayu yang ditempah daripada Kelantan atau daripada Trengganu, kayu-kayu cengal dan sebagainya, amatlah molek dan hiasan-hiasan langsir misalnya. Ini selalu kita cuba cari yang printed daripada Switzerland misalnya; bukankah baik kalau kita ambil batek-batek yang diprint di negeri ini untuk memperkenalkan negara kita kepada orang yang datang. Jadi perkara-perkara yang seperti ini, saya fikir janganlah kita buat silap lagi, sebab sudah selalu orang kata di manalah identiti Malaysia ini. Banyak sudah orang bercakap dari segi bangunan bukan sahaja bentuk-bentuk bangunan dari luar bahkan hiasan-hiasan dalam pun patutlah kita tekankan.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba. Saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, selalu kita dengar kebakaran-kebakaran yang besar-besar dan merugikan bermillion-millon ringgit wang kita. Jadi sudah sewajarnya Perkhidmatan Bomba ini ditambah peruntukannya supaya kebakaran-kebakaran ini dapat dikawal dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh B. 32 berkenaan perkhidmatan Perbendaharaan. Di sini ada disebutkan tambahan-tambahan untuk pengiraan dan

sebagainya. Ada banyak di sini—perkhidmatan pengiraan. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan mengira cukai pendapatan—tidak termasuk? Cukai pendapatan bukan di bawah Perbendaharaan?

Puan Rafidah Aziz: Di bawah kepala ini hanya menyentuh Pejabat Accountant-General.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Terima kasih. Saya ingat kalau termasuk tadi, saya hendak sentuh sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat di sini sahajalah perkara yang dapat saya sentuh dan sebelum duduk, saya terus menyokong Akta Perbekalan Tambahan, 1977 ini bersama dengan rakan-rakan saya.

6.02 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit berkenaan dengan Bil yang ada di hadapan kita sekarang.

Saya hanya hendak bercakap mengenai Kepala B. 32 iaitu Perbendaharaan yang mana disebutkan di sini ialah peruntukan bagi mencukupi perbelanjaan bagi tahun 1977 mengikut Huraian tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mencukupi perbelanjaan bagi tahun 1977. Dengan ini bolehlah difahamkan bahawa wang ini akan dibelanjakan di dalam tahun 1977, maknanya tahun yang kita ada sekarang.

Satu perkara yang paling mustahak sekali yang saya ingin memperingatkan iaitu perbelanjaan pengurusan Jabatan Perbendaharaan adalah menjadi satu perkara yang penting sekali kepada keseluruhan kemajuan dan keseluruhan perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan. Pada masa sekarang ini atau pada masa yang lepas kerap kali terdapat peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Menteri-menteri kadang-kadang terdapat juga yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sendiri perbelanjaan yang telah diluluskan, tetapi kadangkala kelulusan ini tidak begitu disegerakan yang mana kadang-kadang mengakibatkan projek-projek keutamaan

atau projek-projek biasa telah tergendala dan ada pula kadangkala peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Perbendaharaan sendiri tidak ada keupayaan yang cukup daripada pihak-pihak negeri yang lain yang menjalankan urusan-urusan mengenai dengan hal peruntukan yang telah diluluskan. Di sini saya lihat Perkhidmatan Pengiraan yang begitu banyak disebutkan di dalam Kepala B. 32 Perbendaharaan ini, saya berharap sekiranya Jabatan-jabatan baru yang ditubuhkan di Johor, Ipoh, Pulau Pinang, Trengganu dan sebagainya, (di Kedah telah ada cawangan pengiraan), saya rasa penyenggaraan bagi penyampaian peruntukan-peruntukan ini haruslah diberi keutamaan. Kadangkala projek-projek yang telah diluluskan di peringkat-peringkat Negeri dan juga di peringkat-peringkat Persekutuan hanya menunggu peruntukan daripada Jabatan Perbendaharaan adalah terlalu lambat dan kadangkala projek itu terpaksa dibawa ke tahun-tahun hadapan.

Yang kedua mengenai Kementerian Perusahaan Awam yang mana peruntukan tambahan dikehendakki sebanyak \$50 juta yang disebut di sini untuk membolehkan L.P.N. (Lembaga Padi dan Beras Negara) mengisi semula stok-stok yang berkurangan dan memandangkan bahawa harga beras di pasaran dunia pada masa itu telah bertambah. Kadangkala peruntukan yang dibuat oleh L.P.N. ini haruslah disemak dengan teliti, kerana saya dapati disebut di dalam kertas ini jumlah sebenar akan dibayar kepada L.P.N. akan dibuat setelah akaun-akaun bagi tahun 1972 hingga 1975 diodit. Ini bermakna akaun-akaun bagi tahun 1972 yang sudah melewati 5 tahun belum selesai diodit, saya rasa adalah satu perkara yang patut diberi perhatian oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan dan peruntukan ini haruslah digunakan supaya ia tidak bercanggah dengan kepentingan-kepentingan perniagaan, pengilang-pengilang beras daripada bumiputra yang mana kedudukan mereka itu pada masa ini tidak setaraf dengan pengilang-pengilang yang bukan bumiputra. Apa yang saya ingin menegaskan di sini peruntukan yang dibuat kepada L.P.N. ini haruslah digunakan dengan sebaik-baik supaya kepentingan segala pihak tidak merugikan.

Pada akhirnya, saya menyokong Bil ini.

6.07 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan juga telah memberi beberapa pendapat-pendapat yang berkesan. Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu berkaitan dengan Rang Undang-undang ada juga perkara yang tidak ada di bawah Rang Undang-undang. Saya akan menyentuh hanya perkara-perkara yang terlibat dalam Rang Undang-undang ini yang telah dibangkitkan.

Perkara pertama yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat ialah mengenai stokpail. Inginlah saya menyatakan bahawa Kerajaan menentukan sekurang-kurangnya stokpail kita itu sepatutnya 120,000 metrik tan dan seperti yang saya katakan tadi dalam tahun 1973-1974 di mana berlakunya krisis beras maka telah turun hingga hanya setakat 17,972 metrik tan sahaja. Maka terpaksa kewangan diminta untuk ditokok-tambahkan balik supaya dapat kita menyelaraskan pembelian beras yang telah dibuat untuk memenuhi sekali lagi paras stokpail itu. Inginlah saya mengatakan bahawa pihak Kerajaan, khususnya pihak L.P.N., akan sentiasa mengesan paras stokpail ini kerana kita tahu sangat strategic dari segi ekonomi, dari segi pertahanan dan juga dari pertahanan dan juga dari segi keperluan negara.

Tentang pembelian beras yang dikatakan tidak begitu baik yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, memang ada berlaku sekali dua dalam masa yang lepas di mana beras yang dibeli itu tidak begitu sesuai mutunya tetapi ini telahpun diperbetulkan. Ingin saya mengatakan L.P.N. sedang dan akan sentiasa mengawasi tiap-tiap pembelian beras yang dibuat samada melalui sample yang diterima ataupun dengan meneliti sendiri sumber beras itu dan akan sentiasa dikaji supaya beras yang dibeli itu sumbernya bukan sahaja harganya sesuai tetapi jenis dan mutunya baik.

Mengenai penyimpanan beras juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin juga saya menyatakan peruntukan kewangan telah juga diberi kepada L.P.N. oleh Kerajaan untuk memperbaiki dan menambah tempat-tempat simpanan beras samada di Semenanjung ataupun di

Sabah dan Sarawak supaya penyimpanan beras akan dapat dilakukan dengan cara yang lebih baik supaya mengurangkan kadar kerusakan beras dan supaya dalam stokpile beras kita itu dapat dijalankan satu sistem pusingan stok (stock rotation) yang cekap (efficient) supaya kemasukan dan keluaran beras dalam tiap-tiap gudang (godown) Kerajaan itu tidak terlalu lama masanya. Jadi masa menyimpan beras itu sesuai dan ini hanya akan dapat dibuat kalau semua gudang-gudang kita baik keadaannya dan ini sedang dijalankan oleh L.P.N., iaitu memperbaiki mana yang kurang baik dan juga menambah di mana yang belum cukup keupayaannya (capacity).

Begitu juga telah dibangkitkan tentang soal harga beras oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan padi Kedah/Perlis. Memang ada jawapan yang diberi di masa yang lepas iaitu yang menyatakan buat masa ini belum ada cadangan oleh pihak Kerajaan untuk menaikkan harga padi. Sebenarnya perkara ini sentiasa dikesan oleh pihak Kerajaan samada harga padi patut dinaikkan atau tidak, tetapi di sini hanya saya dapat menyatakan bahawa mengenai harga padi ini bukanlah harga itu sahaja yang menjadi perkara penting yang patut ditimbang. Ada perkara-perkara lain yang juga ada memberi kesan kepada pendapatan petani selain daripada harga.

Pertamanya, ialah keadaan yield ataupun tingkat keluaran petani-petani kita tidak sama rata di seluruh negara. Ada negeri negeri di mana yield berasnya atau hasil keluarannya tinggi kerana keadaan di situ baik, maka pendapatan petani pada harga sekarang adalah memadai, tetapi ada tempat-tempat yang kita sedar yieldnya amat kurang, jadi harga sekarang ini juga tidak akan menampung pendapatan sewajarnya bagi petani. Jadi, yield itu juga satu daripada faktor yang patut kita timbangkan.

Kedua ialah soal cara pemegangan tanah petani-petani yang tidak sesuai, iaitu kerap kali kalau tinggi sekalipun harga padi pendapatan petani itu tidak akan tinggi, kerana sistem pegangan tanah itu tidak membolehkan petani mendapat faedah seluruhnya daripada harga padi yang tinggi: apabila

tanah disewakan misalnya, apabila tanah telah dijual janji atau apabila tanah itu tidak dipegang pemilik sendiri. Ini adalah faktor yang mesti juga ditimbangkan apabila kita membincangkan pendapatan petani dan Kerajaan akan sentiasa meninjau perkara ini.

Mengenai harga padi yang dibeli atau ditawarkan oleh L.P.N. seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebenarnya ada dua perkara mengenai harga ini. Yang satunya ialah harga tawaran L.P.N. (offer price) dan yang satu lagi ialah harga belian sebenarnya dan kerap kali kita perhatikan apabila L.P.N. membeli padi-padi daripada petani-petani di pasaran atau di kawasan padi kampung-kampung, kita dapati bahawa harga pembelian ini kerap kali lebih tinggi, biasanya lebih kurang \$3 lebih tinggi daripada harga tawaran L.P.N. dan kita tahu kalau di masa-masa keadaan padi berkurangan harga ini melambung tinggi dan sebenarnya pihak swasta sendiri menawarkan harga-harga tinggi itu. Pendek kata ini adalah bergantung kepada soal permintaan dan penawaran dalam pasaran padi dalam masa-masa tertentu, tetapi dari segi dasar harga padi itu sentiasa dikesan dan juga bukan sahaja menengok dari segi konteks pendapatan petani-petani, tetapi juga dikaitkan dengan pendapatan petani-petani lain iaitu bukan petani beras/padi dan juga berkaitan dengan kepentingan pengguna. Ini adalah sentiasa dikesan.

Mengenai Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, sebenarnya bukanlah Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan itu sahaja yang memberi kemudahan perumahan untuk pegawai-pegawai kita. Ini cuma satu sahaja daripada agensi perumahan atau agensi pembangunan perumahan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telah meluluskan awal dahulu satu Rang Undang-undang yang membolehkan Kerajaan memberikan satu peruntukan bernilai \$400 juta khusus untuk perumahan awam kos rendah yang mana pembinaan perumahan rumah-rumah awam kos rendah ini akan dijalankan oleh berbagai-bagai agensi, seperti PKEN-PKEN Negeri-negeri misalnya dan juga berbagai-bagai agensi yang lain. Jadi, itu sudah ada peruntukan untuk \$400 juta perumahan awam kos rendah di mana takrif rumah awam kos rendah ini ialah dengan sebenarnya tidaklah yang subjective, tetapi

yang objective, misalnya rumah yang mampu dibayar oleh pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Bagi Syarikat Perumahan yang berkehendakkan \$3 juta ini ialah khusus untuk syarikat ini sahaja dan tidaklah menyeluruh kepada semua.

Begitu juga tentang satu daripada perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai padi juga iaitu harga yang diberi kepada pemborong-pemborong. Kalau tidak salah saya keadaan di negeri Kedah dan Perlis peruntukan jumlah-jumlah padi yang dijual kepada pemborong adalah sentiasa dirundingkan bersama oleh Persatuan Pemborong Bumiputra dengan pihak L.P.N. Sebenarnya saya sendiri ada juga terlibat dahulu dalam menentukan peruntukan-peruntukan banyak mana disalurkan penjualan ini kepada pihak bumiputra di kawasan-kawasan itu dan saya percaya pihak L.P.N. akan sentiasa merundingkan perkara ini apabila diperlukan.

Tentang rumah peranginan di Morib yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Tapa, saya bersetuju perkara ini patut dititikberatkan, kerana kita percaya tidak kurang bahan-bahan tempatan yang boleh digunakan yang penuh nilainya, nilai kebudayaan, nilai ekonomi dan juga nilai sosialnya yang boleh kita gunakan di dalam rumah-rumah peranginan yang mempunyai identiti Malaysia seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Saya akan sampaikan perkara ini kepada Jabatan yang berkenaan yang berkaitan dengan perkara ini.

Mengenai pembayaran-pembayaran dari pihak Perbendaharaan untuk projek-projek di negeri-negeri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Khalid, sebenarnya telah ada ditubuhkan di Perbendaharaan satu Task Force untuk mengkaji di mana tersekatnya pembayaran-pembayaran yang lambat ini. Dan juga Kerajaan sedang menyusun satu sistem untuk mengesan segala pembayaran yang dibuat daripada Perbendaharaan kepada semua agensi Kerajaan di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan iaitu hendak tahu bukan sahaja bila masa patut dibayar tetapi juga mengetahui dengan tepat setelah dibayar, bagaimana projek itu telah dijalankan, adakah pembayaran yang telah dibuat itu setimpal dengan sejauhmana projek yang telah dilaksanakan.

Tentang perkara Odit Tahun 1972/1975 memang benarlah pembayaran ini hanya akan dibuat selepas Odit itu selesai, kerana seperti saya katakan tadi wang ini ialah untuk menokok tambah apa yang telahpun dibelanjakan dahulu di mana wang yang telah dibelanjakan dahulu didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka. Jadi, pembayaran tepatnya hanyalah boleh dibuat selepas Odit dapat menentukan dan disahkan bahawa pembayaran ini telahpun dibuat dahulu dan saya memberi jaminan supaya agensi seperti L.P.N. di masa hadapan lebih kemaskini (up-to-date) di dalam pembentangan laporan-laporan kewangan mereka terutamanya seperti yang kita tahu laporan kewangan ini adalah dikehendaki dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini juga. Perkara ini saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Mengenai perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat samada di luar Bil ini ataupun tidak, saya akan sampaikan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk pertimbangan dan juga untuk tindakan di mana yang perlu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masalaahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini, mengikut Peraturan Mesyuarat 53 (2) dibacakan terus pada bacaan kali yang ketiga.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bil-bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946" dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda had berkanun jumlah bil-bil Perbendaharaan yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan daripada jumlah sekarang sebanyak \$2,000 juta kepada \$3,000 juta. Had berkanun sekarang sebanyak \$2,000 juta itu telah diluluskan oleh Parlimen yang bersidang dalam bulan Julai, 1975.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.K.) Kerajaan telah merancang untuk mempesatkan lagi perkembangan sektor ekonomi di negara ini dengan berbagai-bagai projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Pelaksanaan rancangan-rancangan ini melibatkan keperluan kewangan yang besar oleh Kerajaan. Salah satu sumber kewangan tempatan yang boleh diperolehi oleh Kerajaan ialah melalui pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan. Oleh kerana Bil-bil Perbendaharaan merupakan sumber kewangan jangka pendek yang boleh diperolehi pada kadar faedah yang rendah, Kerajaan boleh menumpukan kepada pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan untuk mengatasi kekurangan wang tunai jangka pendek yang dihadapi oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Oleh kerana had berkanun pinjaman yang boleh diperolehi oleh Kerajaan sekarang ini ialah sehingga \$2,000 juta sahaja, ini tidaklah mencukupi untuk memenuhi anggaran yang diperlukan di dalam R.M.K.

Pengeluaran Bil-bil Perbendaharaan juga ada kaitannya dengan kecairan di pasaran wang (liquidity in the money market). Bank Negara telah melapurkan bahawa arah aliran tawaran Bil-bil Perbendaharaan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada bank-bank perdagangan berdasarkan keadaan kecairan pasaran wang yang berlaku sekarang. Ini menunjukkan bukan sahaja Kerajaan dapat memperolehi sumber kewangan yang murah tetapi juga dapat menemui keperluan bank-bank dan lain-lain institusi kewangan di negara ini yang mana mempunyai kecairan yang berlebihan.

Berdasarkan kepada sebab-sebab yang disebutkan di atas adalah difikirkan wajar dan perlu supaya had berkanun Bil-bil Perbendaharaan sekarang sebanyak \$2,000 juta itu dinaikkan kepada \$3,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958" dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2, Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen 6 (1) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 untuk menambahkan modal yang dibenarkan (authorised capital) Bank tersebut daripada jumlah sekarang sebanyak \$50 juta kepada \$200 juta.

Bank Negara Malaysia telah mencapai perkembangan yang pesat di mana jumlah hartanya pada tahun 1969 sebanyak \$2,085 juta telah meningkat kepada \$6,834 juta pada akhir tahun 1976, iaitu menunjukkan

pertambahan jumlah harta sebanyak 228% daripada tahun 1969 hingga tahun 1976. Modal yang dibayar (paid-up capital) Bank Negara Malaysia sekarang sebanyak \$40 juta hanya merupakan kira-kira 0.6% daripada jumlah harta Bank Negara Malaysia sekarang. Kedudukan ini dianggap tidaklah seimbang di mana modal yang dibayar bagi Bank ini adalah terlampau rendah berbanding dengan jumlah hartanya yang begitu besar. Dengan tujuan untuk mengimbangkan kedudukan di antara modal dibayar dan jumlah harta-harta yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia, adalah difikirkan wajar supaya modal yang dibayar ini ditambah daripada \$40 juta yang ada sekarang kepada \$100 juta. Kenaikan jumlah modal yang dibayar bagi Bank Negara Malaysia ini boleh dibuat dengan memindahkan sejumlah \$60 juta daripada Kumpulan Wang Cadangan Am (General Reserve Fund) Bank tersebut yang ada, cukup untuk tujuan ini.

Pada masa ini modal yang dibenarkan untuk Bank Negara ialah \$50 juta. Oleh kerana modal yang dibayar sekarang akan dinaikkan kepada \$100 juta maka terpaksa lah modal yang dibenarkan juga dinaikkan. Adalah difikirkan bahawa modal yang dibenarkan ini patut dinaikkan kepada \$200 juta. Untuk membolehkan tambahan ini dibuat maka seksyen 6 (1) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 terpaksa dipinda seperti di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 4hb Ogos, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.